



Kolej Universiti Islam Malaysia



Laporan Tahunan 2003

Kolej Universiti Islam Malaysia
Tingkat 15, Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur
Tel: +603-4289 2000 Fax: +603-4280 1014/ +603-4289 2153
Laman Web : www.kuim.edu.my

Laporan Tahunan

2003



Kolej Universiti Islam Malaysia

Isi Kandungan

3	Rasional Logo
5	Canselor
6	Profil Korporat
8	Lembaga Pengarah Universiti
10	Pengurusan Universiti
13	Laporan Rektor
20	Hal Ehwal Akademik
37	Hal Ehwal Pelajar
47	Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti
61	Hal Ehwal Sumber Manusia
69	Hal Ehwal Korporat
75	Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat
81	Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan
87	Kemudahan Am
93	Laporan Kewangan Belum Diaudit

Rasional Logo



Rehal

Tulisan KUIM (Kolej Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

Kubah

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.

Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.

Litar

Litar yang terletak bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam menyampaikan ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

Canselor



DULI YANG MAHA MULIA TUANKU NAJIHAH BINTI ALMARHUM

TUNKU BESAR BURHANUDDIN

D.K.N.S, D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan) S.P.T.J., S.P.M.K.

Tunku Ampuan Negeri Sembilan

Profil Korporat

Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa.

Falsafah

Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.



Objektif

Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.

Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Wawasan

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Dr Mohamed Yusof Hj Md Noor



Rektor

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd.
Shukor Hj Husin



Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri



Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajuddin
Abdul Rahman



Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Rahman
Idris



YB Dato' Mohd. Zawawi Salleh



Y.Bhg. Dato' Izhar Sulaiman



Puan Nozirah Bahari



Prof. Dato' Dr. Abdullah
Muhammad Zin

Pengurusan Universiti

**Rektor**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Shukor Hj Husin

Timbalan Rektor

(Akademik & Penyelidikan)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin

Timbalan Rektor

(Hal-Ehwal Pelajar & Pembangunan)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj Alias

Pendaftar

Tuan Hj Addenan Hj Abd Rahman

Bendahari

Puan Hajjah Rohani Abu

Ketua Pustakawan

Encik Jasmin Jaimon

Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah

Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Dr. Muhamad Muda

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang


Prof. Dr. Abdul Samat Musa

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

Tuan Hj Mohd Alwi Yusoff (Pemangku)

Fakulti Sains dan Teknologi

Y.Bhg. Prof. Dr. Jalani Sukaimi



Laporan Rektor



Laporan Rektor



Perkembangan dan kemajuan KUIM yang telah dicapai sepanjang tahun 2003 samada dalam bidang akademik mahupun penyelidikan merupakan titik tolak kepada inisiatif, pengembangan tenaga dan cetusan idea semua warga KUIM yang prihatin dan berwawasan dalam merealisasikan hasrat penubuhan Universiti ini.

Secara keseluruhannya tahun 2003 memperlihatkan kesungguhan Universiti memainkan peranannya secara aktif bagi mencapai objektif penubuhannya iaitu meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam serta memartabatkan Pendidikan Islam selari dengan perkembangan arus perdana pendidikan negara melalui pengaplikasian teknologi terkini dalam era globalisasi.

Pada tanggal 9 Ogos 2003, sejarah baru telah tercipta di mana buat julung-julung kalinya Istiadat Pemasyhuran Perlantikan Tuanku Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama KUIM telah diadakan di Dewan Perdana Felda Kuala Lumpur. Dengan berlangsungnya majlis tersebut, KUIM telah berjaya melahirkan kumpulan graduan sulungnya untuk memenuhi tuntutan negara dan agama hasil daripada proses pendidikan bersepadu dan luas yang ditawarkan di Universiti ini. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan yang merupakan Canselor Pertama Universiti telah berkenan menyempurnakan istiadat penganugerahan ijazah kepada para graduan KUIM.

Pada sesi akademik 2003/2004, KUIM telah mendapat kelulusan beberapa program dan fakulti baru untuk dilaksanakan dalam sesi 2004/2005 iaitu Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Sarjana Muda Kaunseling di bawah fakulti yang sama, Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan), Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (mulai sesi akademik 2005/2006), Penubuhan Pusat Persediaan yang dikenali dengan Pusat Tamhidi. Manakala dua Fakulti baru yang telah diluluskan adalah Fakulti Sains dan Teknologi, serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Bagi tujuan penyampaian dan perbincangan semua kursus Islam adalah menggunakan Bahasa Arab dan lain-lain kursus menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, bagi memastikan pelajar-pelajar KUIM berupaya menguasai kedua-dua bahasa berkenaan, pelbagai usaha dan kursus dijalankan bagi memastikan matlamatnya tercapai. Melalui kursus tersebut, para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan pencapaian MUET mereka. Kursus anjuran Unit Bahasa Inggeris ini memberikan tumpuan dan pendedahan kepada para pelajar dengan Kelas Bimbingan MUET, kaedah penulisan *resume*, bengkel menghadiri temuduga, ceramah kepentingan bahasa Inggeris dalam kerjaya dan khidmat bimbingan Bahasa Inggeris yang berterusan sepanjang tahun.

Aktiviti lain yang dijalankan ialah Kursus Intensif Bahasa Arab bagi setiap fakulti, Kelas Bimbingan Bahasa Arab, khidmat bimbingan Bahasa Arab yang berterusan sepanjang tahun kepada para pelajar KUIM dan pendedahan para pelajar kepada komunikasi berkesan dalam sesi temuduga yang dimasukkan di dalam slot Mahrajan Kerjaya. Kesemua program yang disusun ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar ke arah menguasai kemahiran mendengar, membaca, memahami dan seterusnya berkomunikasi dengan baik dalam bahasa berkenaan. Selaras dengan hasrat KUIM untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang berpengetahuan dalam bidang ICT, satu slot khas diperuntukkan kepada pelajar bagi memberi pendedahan dan pengisian berhubung pengajaran kursus bahasa Arab menggunakan teknologi terkini.

Kesungguhan KUIM mengerakkan pelbagai aktiviti penyelidikan dan penglibatannya samada di peringkat Universiti ataupun kebangsaan dilihat sebagai usaha dinamis bagi merealisasikan hasrat untuk muncul sebagai sebuah universiti yang terkehadapan dalam bidang penyelidikan. Komitmen berterusan dan sokongan daripada pihak pengurusan ini bermatlamat antara lainnya ialah untuk meningkatkan daya fikir dan daya saing tenaga akademik untuk mengeksplorasi sepenuhnya kepakaran masing-masing bagi meneroka

lebih banyak penemuan-penemuan baru melalui hasil penyelidikan mereka.

Kumpulan pertama penyelidikan KUIM yang bermula pada tahun 2001 iaitu melibatkan 10 projek penyelidikan telah selesai dijalankan. Bagi tahun 2003, sebanyak 13 penyelidikan telah diluluskan dan sedang berjalan manakala 3 penyelidikan pantas turut sedang dijalankan.

Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) IPTA 2003 telah diadakan pada 9 hingga 12 Oktober 2003 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Pameran yang bertemakan Pelaburan dalam Inovasi ini telah disertai oleh semua IPTA di Malaysia, yang bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang kemajuan yang dicapai dalam bidang penyelidikan. KUIM telah menyertai pameran ini dalam bentuk pameran poster yang melibatkan 8 buah penyelidikan di bawah kumpulan *Humanities and Social Sciences*. Manakala 3 buah penyelidikan telah terpilih untuk pameran persidangan pada acara yang sama di mana salah satu daripadanya telah dibentangkan di hadapan peserta persidangan.

KUIM turut mengambil bahagian dalam Ekspo OIC 2003 yang diadakan bersempena Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) pada 14 hingga 19 Oktober 2003 bertempat di Tapak Ekspo OIC, Presint 5, Putrajaya. Dalam Ekspo ini, KUIM telah mempamerkan 6 buah poster penyelidikan di samping memaparkan prototaip Sistem Pengurusan Fatwa yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan INNOVATION City Sdn. Bhd. Ekspo yang diadakan selama 6 hari ini telah menerima hampir 170,000 pelawat daripada pelbagai latar belakang dalam dan luar negara.

Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003 Kali Pertama telah diadakan pada 20 Oktober 2003 bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Seminar sehari yang mengumpulkan seluruh tenaga akademik KUIM dan penyertaan peserta luar seperti dari JAKIM, IPTA, Jabatan Agama Islam Negeri dan Institusi Pendidikan

Islam ini diadakan bertujuan untuk berkongsi penyelidikan dan bertukar-tukar pendapat bagi memperbaiki mutu penyelidikan KUIM.

Terdapat empat persidangan peringkat kebangsaan yang telah dianjurkan dengan jayanya oleh pelbagai fakulti di KUIM sepanjang tahun 2003. Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan telah diadakan pada 25 dan 26 Januari 2003 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur. Seminar ini adalah anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang. Manakala Seminar Syariah dan Koperasi Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 28 dan 29 Jun 2003 di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor.

Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah diadakan di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Kuala Lumpur pada 17 Mei 2003.

Seminar Paradigma Dakwah dan Fanatisme Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 11 September 2003 bertempat di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur dan ia adalah anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Di samping itu, ahli akademik KUIM telah dijemput menyertai pelbagai persidangan, samada di dalam maupun di luar negara sepanjang tahun 2003.

Tahun 2003 merupakan tahun di mana Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), yang dahulunya dikenali dengan nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI), mengalami perkembangan yang pesat dalam pembangunan akademik, aktiviti mahasiswa maupun kakitangan.

Bermula dengan cadangan penawaran dua program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) yang dijangka akan ditawarkan mulai Sesi 2004/2005 di samping program sedia ada iaitu Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam (Kepujian). Perkembangan yang positif ini akan memberikan impak kepada potensi graduan yang bakal dilahirkan.

Sebagai usaha untuk menjamin kualiti pengajaran-pembelajaran serta memastikan bakal graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan tenaga kerja negara dan pasaran, FKP telah menganjurkan satu Bengkel Semakan dan Pemantapan Kurikulum. Bengkel ini secara keseluruhannya telah berjaya mencapai objektifnya dalam merangka penstrukturkan semula program dari tiga kepada empat tahun dan mewujudkan pelan strategik lima tahun (mulai 2004 hingga 2008).

Pada Februari 2003, Mesyuarat Fakulti kali ke 2/2003 bersetuju agar nama Fakulti Syariah dan Kehakiman ditukar kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, tujuan utamanya ialah untuk memenuhi keperluan semasa.

Tertakluk kepada kelulusan, Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, program 5 tahun akan diperkenalkan pada tahun 2004 atau 2005 iaitu dengan permulaan pengambilan pelajar seramai 50 orang.

Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah dalam bidang perundungan secara dua pengkhususan (*double major*) iaitu Syariah dan Undang-Undang. Diharapkan program ini dapat melahirkan graduan yang berkelayakan sebagai pengamal undang-undang yang mampu memahami bidang Syariah dan Undang-undang secara serentak dan mempunyai kemahiran profesional yang diiktiraf untuk mengamalkannya dalam sistem perundungan Sivil dan Syariah.

Semenjak perlaksanaan Sistem Saraan Malaysia yang dilaksanakan mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 yang berteraskan kompetensi dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam, Sistem Saraan Malaysia memperkenalkan Penilaian Tahap Kecekapan berasaskan kompetensi yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri melalui pembelajaran berterusan serta penguasaan pengetahuan, kemahiran dan kreativiti serta inovasi dalam pelaksanaan tugas.



Kesungguhan KUIM
mengerakkan pelbagai aktiviti penyelidikan dan penglibatannya samada di peringkat Universiti ataupun kebangsaan dilihat sebagai usaha dinamis bagi merealisasikan hasrat untuk muncul sebagai sebuah universiti yang terkehadapan dalam bidang penyelidikan.

Tahun 2003 merupakan tahun peralihan bagi KUIM untuk meningkatkan lagi penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan Universiti. Perkhidmatan yang diberikan diperkemaskini dengan penyusunan struktur organisasi yang lebih mantap walaupun masih kecil saiznya. Terdapat 3 perkhidmatan utama iaitu Rangkaian dan Perkakasan, Pembangunan Aplikasi dan Perkhidmatan Pengguna.

Makmal Bahasa Arab telah dibuka untuk kegunaan pengajaran bahasa Arab. Makmal ini dilengkapi dengan keperluan secukupnya. SISPEN diperkemasaskan penggunaannya dengan memastikan maklumat-maklumat kakitangan dikemaskini dari masa ke semasa. Maklumat ini penting dalam membantu Bahagian Sumber Manusia menyediakan maklumat perkhidmatan yang diperlukan.

Sistem Maklumat Induksi (Semai) dibina untuk membantu urusetia Latihan Induksi dalam kerja penyediaan laporan penilaian peserta induksi. Dengan sistem ini dapat mengurangkan kesilapan dan memperkemaskan proses penyediaan laporan penilaian.

Integrated Recruitment Information System (IRIS) yang telah diguna untuk proses pengambilan kakitangan

tahun 2002 dikemaskini bagi membantu proses pengambilan kakitangan baru di KUIM. Sistem ini diubahsuai bagi membolehkan Urusetia menyediakan senarai permohonan yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan. Sistem ini juga akan disokong dengan perkhidmatan SMS dalam memberi maklumbalas mengenai status permohonan dari masa ke semasa. Perkhidmatan SMS juga akan digunakan sebagai salah satu kaedah untuk memaklumkan tarikh temuduga.

Sistem Maklumat Cuti Belajar (SIMCUBE) sedang dibangunkan bagi merekodkan maklumat kakitangan akademik yang sedang dalam Cuti Belajar. Diharapkan sistem ini akan membantu Urusetia Jawatankuasa Cuti Belajar untuk menguruskan permohonan dan memantau laporan kemajuan kakitangan yang berkenaan.

Bagi tujuan merekod maklumat kewangan Universiti, KUIM telah mula menggunakan perkhidmatan E-Bankers yang disediakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di KUIM.

Project Monitoring System (PMSII) telah mula digunakan oleh Jabatan Bendahari dan Unit Pembangunan KUIM untuk melaporkan kemajuan projek pembangunan.

Sistem SMPP terus diubah suai mengikut keperluan semasa pentadbiran Universiti. Terdapat 2 proses kerja yang dinyahpusatkan. Pada tahun 2003, Modul Pendaftaran Kursus dilakukan secara online oleh Fakulti masing-masing. Begitu juga dengan Modul Peperiksaan, proses pengisian gred keputusan peperiksaan dilakukan oleh pensyarah.

Modul Pengajian Pelajar Siswazah (PPS) diperkemas-kan lagi bagi membantu proses pemilihan dan penawaran pelajar PPS. Proses kemaskini data pemohon dan pelajar sedang dilakukan oleh Pusat Pengajian Umum.

KUIM juga telah menggunakan Sistem *Tracer Study* yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk menyediakan maklumbalas dari graduan sulung KUIM. Melalui sistem ini, maklumbalas dan data yang diperolehi daripada para graduan melalui Borang Kajiselidik akan dipindahkan ke dalam sistem tersebut. Laporan-laporan ini akan dijana oleh Universiti menggunakan perisian Excel.

Pasukan Projek Sistem Maklumat HEP telah ditubuhkan untuk mengiktiraf kepentingan sistem SMHEP dalam pengurusan Universiti. Salah satu komponen yang diperkemaskini ialah Modul Aktiviti Pelajar. Melalui modul ini diharapkan HEP dapat mengumpulkan semua rekod aktiviti setiap pelajar untuk disahkan bagi tujuan penyediaan Testimonial HEP kepada setiap graduan KUIM.

Modul Penginapan Asrama dan Modul Akaun Pelajar yang sedia ada diperkemaskini bagi melicinkan proses pendaftaran penginapan asrama dan proses penyediaan maklumat akaun pelajar untuk tujuan pembayaran baki wang pinjaman PTPTN dan penaja yang lain.

Laman e-Buletin telah dibangunkan menggunakan asas perisian sumber terbuka (open source software). Melalui sistem ini, kakitangan dan pelajar dapat berkongsi bahan berita kampus secara online. Sistem yang masih dalam tempoh percubaan ini, suatu ketika nanti akan dikendalikan oleh beberapa individu yang

mewakili Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing dalam penyaluran bahan berita.

Perkhidmatan SMS telah mula diperkenalkan mulai 10 Mac 2003 melalui perjanjian dengan Syarikat QuickNET Sdn Bhd. Para pelajar dan kakitangan boleh mengetahui beberapa maklumat menggunakan telefon bimbit masing-masing. Antara perkhidmatan SMS yang ditawarkan ialah Semakan Keputusan Peperiksaan (KUIM EX), Semakan Baki Hutang (KUIM AC), Semakan Permohonan Asrama (KUIM RES), Maklumat Umum Universiti (KUIM INFO), Berita Semasa (KUIM NEWS) dan Direktori Telefon KUIM (KUIM DIR).

Sepanjang tahun 2003, usaha telah dibuat untuk mendapatkan kelulusan Projek ICT Kampus Tetap dari pihak MAMPU. Kertas Kerja Permohonan Projek ICT telah dikemukakan kepada JPT dan MAMPU untuk mendapatkan kelulusan bajet. MAMPU telah meluluskan permohonan projek ICT KUIM untuk tahun 2003-2005. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengadakan perkongsian pintar dengan IPTA lain untuk mendapatkan Sistem Maklumat Universiti KUIM dengan kos yang minimum. Penyediaan Tender bagi Pakej-pakej Sub-sistem A1 ~ Rangkaian Kampus Gigabit dan Sub-sistem C1 ~ Sistem Perpustakaan Bersepadu telah dimulakan bersama PMC.

Demi memastikan urusan harian pelajar dan kakitangan berjalan lancar, Unit Kenderaan telah menyediakan kemudahan yang secukupnya seperti perkhidmatan pengangkutan pelajar daripada Universiti ke asrama yang dijalankan dari jam 6:30 pagi hingga 11:00 malam.

Penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira pendapat dan cadangan pengguna dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan terbaik bagi seluruh warga KUIM. Pertambahan pelajar pada sesi 2003/2004 menyebabkan penginapan pelajar yang sedia ada di Riveira II dan III tidak mencukupi. KUIM telah menyewa apartment tambahan di Sri Penara, Bandar Tun Razak

untuk menempatkan pelajar. Sebanyak 50 buah apartment telah disewa untuk menempatkan 315 orang pelajar KUIM termasuklah Pejabat Pengurusan, Pengetua dan Felo. Pemilihan Apartment Sri Penara sebagai salah satu kolej kediaman pelajar adalah wajar kerana ia menawarkan kemudahan asas yang mencukupi antaranya klinik swasta, kedai-kedai makan, dewan orang ramai dan lain-lain kemudahan yang boleh digunakan untuk kegiatan aktiviti pelajar KUIM.

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan Seminar Perlaksanaan Projek Pembangunan IPTA-IPTA secara Penswastaan pada 2 dan 3 September 2003 bertempat di Hotel Royal Adelphi Seremban, Negeri Sembilan.

Seminar ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan opsyen-opsyen yang ada sekiranya langkah penswastaan digunakan dalam projek pembangunan IPTA. Di samping itu, pembentangan kajian kes (case study) oleh IPTA, agensi swasta dan agensi kerajaan yang berpengalaman melaksanakan projek secara penswastaan turut dijemput membentangkan pengalaman mereka. Ini dapat membantu IPTA yang baru terutamanya kolej universiti.

Sepanjang tahun 2003, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai organisasi luar ke arah mewujudkan hubungan dua hala yang lebih terarah dan mampu mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Antara MoU yang telah ditandatangani oleh KUIM adalah MoU bersama Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta pada 7 April 2003, MoU bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 29 Mei 2003, bertempat di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur dan MoU bersama KFC Holdings (Malaysia) Berhad di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 7 Oktober 2003. KUIM juga merancang untuk mengadakan

Memorandum Persefahaman (MoU) dalam masa terdekat ini dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Sepanjang tahun 2003, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Perjanjian (MoA) dengan agensi-agensi luar iaitu MoA bersama SIRIM Berhad, pada 20 Jun 2003 bertempat di SIRIM Berhad. Melalui perjanjian ini, KUIM telah melantik SIRIM Berhad untuk memberi khidmat latihan dan bimbingan bagi melaksanakan Khidmat Latihan dan Bimbingan Program Amalan Kualiti Menyeluruh dalam usaha membantu KUIM membangun dan melaksanakan program peningkatan kualiti berpandukan model amalan kualiti menyeluruh dan seterusnya mencapai pengiktirafan MS ISO 9001:2000.

Manakala MoA bersama Innovation City Sdn. Bhd. (INNOVATION) telah ditandatangani pada 10 September 2003. Melalui perjanjian ini KUIM telah melantik INNOVATION sebagai perunding yang akan membina dan membangunkan prototaip Sistem Pengurusan Fatwa dan memberi khidmat latihan mengenai penggunaannya.

Pendapatan Mengurus yang diterima pada tahun 2003 bertambah berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2002. Pertambahan ini bagi membiayai pertambahan perancangan staf, program akademik dan kemudahan fizikal.

Perkembangan dan kemajuan KUIM yang telah dicapai sepanjang tahun 2003 samada dalam bidang akademik mahupun penyelidikan merupakan titik tolak kepada inisiatif, pengembangan tenaga dan cetusan idea semua warga KUIM yang prihatin dan berwawasan dalam merealisasikan hasrat penubuhan Universiti ini.



PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Rektor



Hal-Ehwal Akademik



Hal Ehwal Akademik

Pengambilan Pelajar dan Program Pengajian

Pada sesi akademik 2003/2004, KUIM menawarkan empat (4) program pengajian pra siswazah secara sepenuh masa untuk ijazah berikut:-

- Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian

- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian

Bilangan pelajar pada tahun 2003 pula adalah seramai 1602 orang iaitu 570 orang bagi tahun pertama, 479 orang bagi tahun kedua dan 553 orang pelajar bagi tahun ketiga. Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang berkaitan adalah calon-calon daripada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) setaraf Kategori A, Lepasan Diploma (Kes khas) kategori E, Lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kategori T dan Lepasan Matrikulasi yang berada dalam Kategori P. Bilangan pelajar KUIM berdasarkan fakulti dan tahun pengajian adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Pelajar KUIM Berdasarkan Fakulti dan Tahun Pengajian

Fakulti	Tahun Pengajian			Jumlah
	1	2	3	
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang	158	139	174	471
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	135	118	168	421
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	131	122	211	464
Fakulti Ekonomi dan Muamalat	146	100	-	246
Jumlah	570	479	553	1602

Sementara itu dalam sesi akademik 2003/2004 ini, KUIM telah mendapat kelulusan beberapa program, fakulti baru dan perubahan nama fakulti sedia iaitu:-

Perubahan nama Fakulti:

- Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
- Fakulti Syariah dan Kehakiman kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Fakulti/Pusat Baru:

- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Pusat Tamhidi KUIM

Program Baru

- Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) di Fakulti Sains dan Teknologi.
- Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (mulai tahun 2005)
- Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian di Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Perkuliahan dan Peperiksaan

Perkuliahan 2003/2004 bagi semester pertama telah bermula pada 9 Jun 2003, manakala pada semester kedua ialah pada 10 November 2003. Masa perkuliahan adalah bermula dari jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang kecuali bagi kursus-kursus yang melibatkan pensyarah sambilan di mana kuliahnya disusun pada sebelah malam daripada jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Dengan mengambil kira bilangan tempat dan kapasiti dewan, bilik kuliah dan tutorial yang sedia ada, para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kuliah iaitu kumpulan kuliah, tutorial, makmal dan kumpulan ko-kurikulum. Pembahagian tersebut juga bertujuan untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan. Jadual II menunjukkan maklumat pembahagian dan jumlah ruang serta kapasiti bilangan pelajar iaitu seperti berikut:-

Jadual 2 : Pembahagian dan jumlah ruang serta kapasiti bilangan pelajar

Bil	Butiran	Jumlah Ruang Yang Disediakan	Kapasiti (Jumlah Pelajar)	Tempat
1.	Dewan Kuliah	4	200	Menara B
2	Bilik Kuliah	5	100	Menara B
3.	Bilik Tutorial/bahasa	16	30	Menara B
4.	Makmal Komputer	2	40	Menara A
5.	Makmal Bahasa	2	20	Menara A
6.	Mahkamah Moot	1	50	Menara A

Bagi tujuan penyampaian semasa perkuliahan, 90% pengajaran adalah menggunakan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, bagi memastikan pelajar-pelajar KUIM berupaya menguasai kedua-dua bahasa berkenaan, pelbagai usaha murni telah dijalankan umpamanya kursus Intensif Bahasa Inggeris kepada para pelajar baru KUIM di mana para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan pencapaian MUET mereka, kelas bimbingan MUET, kaedah penulisan resume, bengkel menghadiri temuduga, ceramah kepentingan bahasa Inggeris dalam kerjaya dan khidmat bimbingan bahasa Inggeris yang berterusan sepanjang tahun kepada para pelajar KUIM anjuran Unit Bahasa Inggeris.

Aktiviti lain yang dijalankan ialah kursus intensif bahasa Arab bagi setiap fakulti, kelas bimbingan bahasa Arab, khidmat bimbingan bahasa Arab yang berterusan sepanjang tahun kepada para pelajar KUIM dan pendedahan para pelajar kepada komunikasi berkesan dalam sesi temuduga yang dimasukkan di dalam slot Mahrajan Kerjaya di mana kesemua program yang disusun ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar ke arah kemahiran penguasaan mendengar, membaca, memahami dan seterusnya berkomunikasi dengan baik dalam bahasa berkenaan anjuran Unit Bahasa Arab. Selain itu terdapat satu slot khas diberikan kepada pelajar bagi pengisian makmal bahasa di dalam pengajaran kursus bahasa itu sendiri bagi memberi pendedahan dan seterusnya ke arah



memenuhi hasrat KUIM bagi melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan dalam bidang ICT.

Sebagai sebuah universiti yang sentiasa prihatin kepada keperluan dan kebajikan pelajar, KUIM telah menjadi pusat Ujian MUET bagi calon-calon KUIM bermula ujian MUET akhir tahun iaitu Oktober 2002 yang lalu. Peperiksaan MUET ini biasanya dijalankan pada bulan Mei dan Oktober pada setiap tahun di mana ia melibatkan 3 pusat peperiksaan di KUIM iaitu MW100, MW101 dan MW102. Setiap pusat menempatkan 216 orang calon.

Peperiksaan semester Pertama dan Kedua pada setiap sesi akademik adalah dikendalikan oleh Bahagian Akademik dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran Fakulti dalam tempoh lebih kurang tiga minggu pada setiap semester. Mereka yang terlibat adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Akademik dan Pentadbiran Fakulti, para Dekan, tenaga akademik dan pembantu peperiksaan yang dilantik secara sambilan bagi setiap musim peperiksaan. Ruang yang akan digunakan bagi tujuan peperiksaan ini ialah Bilik Kuliah 1 hingga 5 yang boleh menempatkan seramai 200 orang pelajar dan Dewan Peperiksaan 1 hingga 4 yang boleh menempatkan 100 orang pelajar bagi setiap dewan pada setiap kali peperiksaan. Dengan mengambil kira jumlah pelajar, tempoh peperiksaan bagi sesuatu kursus, kapasiti ruang, tempoh peperiksaan dan rangkaian Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) yang berkesan, peperiksaan akhir pada setiap semester telah dapat dijalankan dengan lancar.

Konvokesyen

Tahun 2003 merupakan tahun yang amat bersejarah bagi KUIM kerana mengadakan Konvokesyen sulungnya dan menyaksikan kumpulan graduan pertama menerima ijazah masing-masing.

Majlis Konvokesyen sulung ini telah diserikan dengan Majlis Santapan Konvokesyen pada 8 Ogos 2003 di Hotel Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Tuanku Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan. Turut berangkat mencemar duli adalah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Majlis Konvokesyen telah diadakan pada 9 Ogos 2003 bertempat di Dewan Perdana FELDA Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Sebelum Majlis Konvokesyen dimulakan, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd Khir yang mewakili Kerajaan Malaysia telah secara rasmi menyerahkan cokmar kepada Rektor KUIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin sebagai lambang kuasa. Peristiwa bersejarah ini disaksikan oleh seluruh jemputan, warga KUIM, ibubapa dan graduan.

Majlis disusuli dengan pengisytiharan pemasyhuran perlantikan Tuanku Canselor yang pertama KUIM iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri





Sembilan. Pemasyhuran ini telah dibaca oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd Khir bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Majlis Konvokesyen sulung ini turut dihadiri wakil daripada universiti luar negara iaitu Universiti Al Azhar, Mesir, Universiti Islam Negeri, Jakarta, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Prince Songkhla, Thailand. Wakil daripada universiti tempatan juga turut hadir.

Pada 18 September 2003, satu lagi istiadat telah dilangsungkan iaitu untuk menganugerahkan anugerah dan hadiah Konvokesyen kepada penerima yang menunjukkan pencapaian cemerlang mereka. Majlis ini telah diadakan di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur di mana Tuanku Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Naziah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah berkenan berangkat.

Tuanku Canselor telah berkenan menyampaikan anugerah dan hadiah kepada penerima berikut:

- **Anugerah Pelajaran Di Raja :**
Cik Halilah Abdullah
- **Anugerah Canselor :**
Cik Nur Aida Ab. Rahman

- **Pingat Emas Rektor :**
Cik Suriyati Yusof
- **Hadiah Buku Universiti :**
Cik Halilah Abdullah
Cik Suriyati Yusof
Puan Hasyimah Hanafi
Cik Bashiroh Abdullah
Cik Syarifah Bahiyah Syed Ma'amor
- **Hadiah Fakulti : Hadiah YADIM :**
Cik Ruhayu Asraee
- **Hadiah KFC Holdings Berhad :**
Cik Halilah Abdullah
- **Hadiah KNB :**
Puan Hasyimah Hanafi
- **Hadiah Ko Kurikulum :**
Hadiah Angsa Delima Sdn Bhd :
En. Zununi Azhar Said

Pusat Pengajian Siswazah



Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ditubuhkan untuk menjadi wadah dalam menghasilkan graduan di peringkat siswazah yang berpengetahuan tinggi, mahir dan profesional dalam berbagai-bagai bidang. Buat masa ini, PPS menawarkan pengajian penyelidikan dan penulisan tesis. Pengajian secara kerja kursus dijangka dapat ditawarkan dalam Sesi 2004/2005 nanti.

Proses kemasukan pelajar di KUIM adalah sebanyak 2 kali setahun iaitu untuk pengambilan Sesi Jun dan

Sesi November. Untuk pengambilan Sesi Jun 2003, sebanyak 6 permohonan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D telah diterima manakala di peringkat Sarjana, sebanyak 13 permohonan telah diterima. Daripada 19 permohonan yang diterima, sebanyak 10 permohonan diperakurkan dan 7 calon telah menerima tawaran tersebut.

Pada Sesi November 2003 pula, PPS telah menerima 29 permohonan melanjutkan pengajian peringkat siswazah iaitu 5 permohonan untuk Ph.D manakala 24 permohonan untuk Sarjana. Sebanyak 13 orang calon telah diperakurkan permohonan masing-masing.

Jadual 3 dan 4 di bawah menunjukkan taburan pelajar mengikut peringkat pengajian dan fakulti, dan taburan pelajar mengikut negara.

Jadual 3 : Taburan Pelajar Mengikut Program Pengajian dan Fakulti

Fakulti Pengajian	Program Pengajian Sarjana	Ph.D	Jumlah
Syariah dan Undang-Undang	6	1	7
Pengajian Quran dan Sunnah	1	1	2
Kepimpinan dan Pengurusan	1	1	2
Ekonomi dan Muamalat	-	-	-
JUMLAH	8	3	11

Jadual 4 : Taburan Pelajar Mengikut Negara

Program	Warganegara	Pelajar	Jumlah
Sarjana	Malaysia	5	
	Indonesia	2	8
	Iraq	1	
Doktor Falsafah	Malaysia	1	
	Burkina Faso	1	
	Arab Saudi	1	3
Jumlah		11	11

Senat dan Pengijazahan

Senat merupakan badan akademik tertinggi yang berperanan penting dalam mengawal segala urusan yang berkaitan dengan akademik di KUIM. Pada tahun 2003, Senat telah bersidang sebanyak 6 kali dan dua kali Senat Khas. Antara keputusan penting yang diputuskan oleh Senat dan Senat Khas dalam tahun 2003 adalah seperti berikut:

Mesyuarat Senat Khas Bil. 1/2003

(16 Januari 2003)

- Meluluskan Keputusan Peperiksaan Akhir Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2002/2003

Mesyuarat Senat Khas Bil. 2/2003 (2 Mei 2003)

Meluluskan Keputusan Peperiksaan Akhir Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2002/ 2003

Mesyuarat Senat Kali Ke-13 (19 Mac 2003)

- Cadangan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
- Cadangan Penubuhan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.
- Cadangan Penubuhan Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan), Fakulti Sains dan Teknologi.

Mesyuarat Senat Kali Ke-14 (23 Mei 2003)

- Mengesahkan Senarai Graduan Untuk Konvoikesyen Pertama, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mengesahkan Senarai Pelajar Kemasukan Sesi 2003/2004.
- Mengesahkan Nama Pemenang Anugerah dan Hadiah Konvoikesyen Pertama KUIM

Mesyuarat Senat Kali Ke-15 (24 Julai 2003)

- Cadangan Perubahan Nama Fakulti Syariah dan Kehakiman kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang.

- Cadangan Perubahan Nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Mesyuarat Senat Kali Ke-16 (29 September 2003)

- Cadangan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang undang dengan Kepujian, Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Mesyuarat Senat Kali Ke-17 (5 November 2003)

- Cadangan Penubuhan Pusat Tamhidi, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Persidangan

Sebanyak empat persidangan peringkat kebangsaan telah dapat dianjurkan dengan jayanya oleh pelbagai fakulti di KUIM sepanjang tahun 2003. Persidangan-persidangan tersebut adalah seperti berikut:-

Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan

Seminar ini telah diadakan pada 25 dan 26 Januari 2003 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur. Seminar ini adalah anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang dan telah menerima lebih daripada 180 penyertaan. Y.B. Dato' Noh Haji Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah merasmikan pembukaan seminar manakala penutupan seminar disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.



Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Seminar yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah ini telah diadakan di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Kuala Lumpur pada 17 Mei 2003. Hampir 150 orang peserta telah hadir ke persidangan ini yang mewakili organisasi dan institusi masing-masing. Perasmian seminar telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM pada sebelah pagi manakala Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) KUIM telah merasmikan acara penutup seminar.



Seminar Syariah dan Koperasi Peringkat Kebangsaan

Seminar ini telah diadakan pada 28 dan 29 Jun 2003 di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor. Seminar anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang ini telah menarik minat lebih daripada 150 orang peserta. Perasmian seminar telah dilakukan oleh Y. B. Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi manakala Y. Bhg. Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin merasmikan penutupan seminar.

Seminar Paradigma Dakwah dan Fanatisme Peringkat Kebangsaan

Seminar ini telah diadakan pada 11 September 2003 bertempat di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Seminar anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan ini telah disertai seramai 101 orang peserta. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.B. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan majlis penutup disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Mohd Zawawi Salleh, ahli Lembaga Pengarah Universiti, KUIM.

Di samping itu, KUIM juga telah menghantar para ahli akademiknya menyertai pelbagai persidangan baik di dalam maupun di luar negara sepanjang tahun 2003. Antara persidangan tersebut adalah seperti berikut:-

- Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah IV – Kahwin Lari : Masalah dan Penyelesaian anjuran Universiti Islam Antarabangsa;
- Workshop on Islamic Capital Market anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;
- 7th Melta Biennial International Conference 2003;
- Muslim Unity in the 21st Century – Opportunities and Challenges anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;

- International Seminar on Islam and Challenges of Science and Technology in the 21st Century anjuran Universiti Teknologi Malaysia;
- 2nd International Conference on Measurement and Evaluation in Education 2003 anjuran Universiti Sains Malaysia; Multaqa Ulama' Sedunia anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia;
- Persidangan Sempena Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam 2003 anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama semua IPTA;
- Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-9 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain hadir sebagai peserta, terdapat juga ahli akademik KUIM yang telah dijemput untuk membentang kertas kerja dalam pelbagai persidangan. Jadual 5 menunjukkan senarai ahli akademik KUIM yang telah membentang kertas kerja sepanjang 2003.

Jadual 5 : Staf Akademik Yang Membentang Kertas Kerja

Nama	Fakulti/ Unit	Program / Anjuran	Tarikh	Kertas Kerja
1. Pn. Asma' Abdul Rahman	UBA	Globalisasi: Cabaran Menghadapinya	22 – 24 Mac 2003	Mempelajari Bahasa Arab Dalam Era Globalisasi Untuk Mencapai Wawasan 2020. Belajar Melalui Internet Dalam Era Globalisasi
2. Prof. Datin Dr. Hjh. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	FKP	Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam 1	22 – 24 Mac 2003	Cadangan Sarjana Muda Kaunseling Islam – KUIM
3. Pn. Asma' Abdul Rahman	UBA	The 4th International Conference On Disaster Management	1 – 3 Mei 2003	Communication Breakdown Di Dalam Keluarga Melalui Kaunseling Berperspektif Islam
4. Pn. Najwa Hayaati Mohd Alwi	UPU	Persidangan Psikologi Malaysia 2003 "Peranan Psikologi Dalam Pendidikan"	8 – 9 Mei 2003	Contigency Plan And Solutions For Internet Programming Security
5. Pn. Sapora Sipon	FKP	Seminar Pemahaman Al-Quran	8 – 12 Mei 2003	Aplikasi Kaunseling Islam Sebagai Alternatif Pendekatan Kaunseling Kontemporari Dalam Orientasi Pendidikan
6. En. Khairul Anuar Mohamad	FQS	Masjid Sultan Ahmad 1 (Pahang)	8 Jun 2003	Sejarah Penghafal Al-Quran
7. Pn. Asma' Abdul Rahman	UBA	Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16, ICT Dalam Pendidikan Dan Latihan	13 – 16 Jun 2003	Kesukaran Pembelajaran bahasa Arab Di Kalangan Penutur Melayu Satu Penyelesaian Melalui Laman-laman Web Arab
8. Pn. Norhayati Rafida Abdul Rahim	UPU	International Conference Social Science In A Globalizing World	22 – 23 Sept 2003	Gender Stereotypes: Woman's Skills In Negotiation Towards Conflict Resolution: A Case Study

Hal Ehwal Akademik
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Nama	Fakulti/ Unit	Program / Anjuran	Tarikh	Kertas Kerja
9. Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli	FEM	National Conference On Management Science And Operations Research 2003	24 – 25 Jun 2003	Performance Of The Islamic Unit Trust Industry In Malaysia: An Empirical Analysis
10. Pn. Norhayati Rafida Abd Rahim	UPU	Persidangan Kontemporari Kebangsaan 2003: Malaysia Sebagai Sebuah Negara	25 – 26 Jun 2003	Aplikasi Etika Komunikasi Dalam Proses Perundingan Ke Arah Penyelesaian Konflik Menurut Perspektif Islam
11. Pn. Dina Imam Supaat	FSU	Kursus Pengurusan Persatuan	15 – 17 Ogos 2003	Mahasiswa Dan Persatuan Strategi Pengurusan Masa Yang Berkesan
12. Pn. Norhayati Rafida Abd. Rahim	UPU	Simpposium Penyelidikan Komunikasi Ke – 8 (UKM)	19 – 20 Ogos 2003	Perundingan Melalui Media Sebagai Pendekatan Efisyen Dan Menyelesaikan Konflik Organisasi: Satu Kajian Kes
13. En. Mohd Radhi Ibrahim				Pengukuran Kejayaan Menurut Perspektif Pendidikan Islam
14. Prof. Datin Dr. Hjh. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim		2nd International Conferenceon Measurement And Evaluation In Educationt "Profiling Growth In Teaching And Learning" (USM)	27 – 30 Ogos 2003	Inventori Penyeliaan Maha
15. Pn. Sapora Sipon	FKP			Peningkatan Cara-cara Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Internet
16. Pn. Asma' Abdul Rahman	UBA			Peningkatan Cara-cara Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Internet: Satu Kaedah Dan Penyelesaian Semula
17. En. Mohd Radhi Ibrahim	FKP		13 – 16 Jun 2003	Memperkasakan Pembangunan Sains Dan Teknologi Umat Islam Di Era Globalisasi
18. Pn. Hanim Misbah	FEM	International Seminar: Islam & Challenges Of Science & Technology In The 21st Century (*UTM)	22 – 23 Sept 2003	Branding: Challenges and Technology Exploitation In The 21st Century
19. Pn. Syahirah Abdul Shukor	FSU		7 – 9 Sept 2003	The Role Of Syariah In E-Commerce
20. Pn. Zurina Kefli	FEM	Seminar Kebangsaan Fakulti Ekonomi 2003	16 – 17 Sept 2003	Active Labour Market Policy - Malaysian Experience
21. En. Khairul Anuar Mohamad	FPQS	Seminar Sehari Modul Al-Quran Rasm Othmani Siri 3/2003 * Unit Kawalan Al-Quran,Kementerian Dalam Negeri	18 Sept 2003	Kaedah Penulisan Rasm Othmani

Nama	Fakulti/ Unit	Program / Anjuran	Tarikh	Kertas Kerja
22. En. Irwan Mohd Subri	FSU			Etika Kedoktoran Dari Perspektif Islam Da Perubatan Konvensional
23. En. Abdul Manan Ismail	FEM	Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa (UKM*)	24 – 25 Sept 2003	Rawatan Lelaki Terhadap Perempuan Dan Sebaliknya Menurut FiqhH
24. Pn. Farah Salwani Muda	FSU			Nformed Consent: Requirement Or Just A Formality?
25. Prof. Madya Dr. Ali Yakub Matondang	FKP	Wacana Infad 2003 (*Infad KUIM)	30 Sept 2003	Proses Dan Pengurusan Fatwa Di Indonesia
26. Dr. Hersi Mohd Hilole	FKP			Faktor-faktor Kontemporari Dalam Menilai Kesatuan Umat Islam Dan Sebaliknya
27. Dr. Mahmoud Mohamed Ali	UBA			Ke Arah Kesatuan Bahasa Umat Islam
28. En. Mohamed Ben Mohamed Bechir	FSU			Peranan Ahli Akademik Dalam Penyatuan Umat Islam Di Abad Ke – 21
29. En. Iehsan M. Hasen	FQS	Muslim Unity In The 21st Century "Opportunities & Challenges" (*UIAM)	1 – 2 Okt 2003	Kesatuan Umat Islam: Di Antara Kebenaran Dan Cabaran Dalam Masyarakat Islam Dan Antarabangsa
30. Pn. Asma' Abdur Rahman	UBA			Peranan Ahli Akademik Dalam Menyatukan Umat Islam: Kajian Dari Aspek Pemikiran Di Abad Ini.
31. Dr. Farida Zou Zou	FSU			Wanita Muslim: Ke Arah Pelaksanaan Tanggungjawab Demi Kesatuan Ummah Di Zaman Ini
32. Prof. Dr. Jalani Sukaimi	FST	International Seminar On Othe Progress Of Oil Palm Breeding And Selection (*ISOPB)	6 – 7 Okt 2003	Contribution Of Breeding And Agronomy In Raising Oil Palm Yield
33. En. Mohd Fauzi Mohd Amin	FPQS	Pameran Hasil Penyelidikan IPTA Malaysia (* UPM)	9 – 12 Okt 2003	Hadis Mawdu' Dan Kesannya Dalam Masyarakat Islam Malaysia
34. Pn. Sapora Sipon	FKP			Effect Of Stress Management Therapy On Teachers Stress
35. En. Khairul Anuar Mohamad	FPQS	Perkaedahan Pengajaran: Antara Tradisi Dan Inovasi (UKM)	16 Okt 2003	Sistem Pengajaran Ilmu Qiraat: Perbandingan KUIM Dan UKM

Hal Ehwal Akademik
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Nama	Fakulti/ Unit	Program / Anjuran	Tarikh	Kertas Kerja
36. En. Mohd Fauzi Mohd Amin	FPQS	Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan (Siri Ketiga) (*UKM)	16 Okt 2003	Pengajian Aspek Mukhtaliful Hadis Dan Pengajarannya Dalam Pendidikan Islam
37. Pn. Sapora Sipon	FKP			Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dari Perspektif Pelajaran
38. En. Irwan Mohd Subri	FSU			Pengajian Usul Fiqh Berdasarkan Kajian Kes
39. En. Abdul Manan Ismail	FSU	Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan (*UTM)	19 – 21 Okt 2003	Metodologi Pendidikan Fiqh Al-Shaukaniy Ke Arah Malahirkan Masyarakat Bersatu
40. Prof. Madya Dr. Md. Ali Hasan	FEM			Kemahiran Pengurusan Dan Kaitannya Dengan Kerjaya Guru
41. Dr. Mohamed Sharif Bashir	FEM	Economic Conference (*UPM)	20 – 23 Okt 2003	Economic Impacts Of Changing Tourist Portfolio: An Interindustrial Analysis
42. Pn. Hanim Misbah	FEM	The 2nd National Conference on Transportation Management* (UUM)	20 – 22 Okt 2003	The Implementation Of A Single Etlis: A Case Study
43. Pn. Sapora Sipon	FKP	2nd Qualitative Research Convention 2003 Theory and Practice * (UM)	22 – 23 Okt 2003	Penggunaan Kaedah Perbincangan Kelompok Dalam Pengurangan StressKerja
44. Pn. Syahirah Abdul Shukor	FSU	The 2nd National Conference on Law Commerce And Ethics (*UIAM and Victoria University)	8 – 10 Dis 2003	Child Protection And The Internet: A Malaysian Perspective

Nota:

FKP : Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

FQS : Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

FSU : Fakulti Syariah Dan Undang-undang

FEM : Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

UPU : Unit Pengajian Umum

UBA : Unit Bahasa Arab

UBI : Unit Bahasa Inggeris

FST : Fakulti Sains Dan Teknologi

Penyelidikan KUIM

Kesungguhan KUIM mengerakkan pelbagai aktiviti penyelidikan dan penglibatannya samada di peringkat dalaman ataupun kebangsaan dilihat sebagai usaha dinamis bagi merealisasikan hasrat untuk muncul sebagai sebuah Universiti yang terkehadapan dalam bidang penyelidikan. Komitmen berterusan dan sokongan daripada pihak pengurusan ini bermatlamat antara lainnya ialah untuk meningkatkan daya fikir dan daya saing tenaga akademik untuk mengeksploitasi sepenuhnya kepakaran masing-masing untuk

meneroka lebih banyak penemuan-penemuan baru melalui hasil penyelidikan mereka.

Kumpulan pertama penyelidikan KUIM yang bermula pada tahun 2001 iaitu melibatkan 10 tajuk penyelidikan telah selesai dijalankan. Bagi tahun 2003, sebanyak 13 penyelidikan telah diluluskan dan sedang berjalan manakala 3 penyelidikan pantas turut sedang dijalankan. Senarai tajuk penyelidikan KUIM untuk tahun 2003 adalah seperti berikut:

Jadual 6: Senarai Penyelidikan KUIM bagi tahun 2003

Bil	Tajuk Projek	Ketua Projek	Ahli-ahli	Jangkamasa Projek
1	Graduate Employability: A Case Study Of Islamic Studies Graduates from Selected Public Institutions of Higher Learning in Malaysia. (UPU(1)/A/2002)	Prof. Dr. Muhammad Hj. Alias	i. Puan Zurina Kefeli@ Zulkefli ii. Puan Hanim Misbah iii. Cik Fara Madehah Ahmad Farid iv. Puan Nursilah Ahmad	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
2	Peranan Tarekat Tasawuf dalam Memulihkan Penagih Dadah: Satu Kajian di Sungai Ikan, Terengganu. (UPU(1)/B/2002)	Dr. Muhammad Yusuf Khalid	Dr. Hersi Mohd Hilole	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
3	Negotiation Skills in Family Conflicts- Comparison Between Rural and Urban Areas. (UPU(1)/C/2002)	Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim	Cik Selvarani a/p Kovil Pillai	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
4	Fiscal Transparency and Financial Integration in Islamic Economy. (UPU(1)/D/2002)	Cik Fara Madehah Ahmad Farid	-	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
5	Aspirasi Orang Melayu Pasca DEB/DPN dalam Era Globalisasi (Kajian Perintis dalam Lembah Klang) (UPU(1)/E/2002)	Prof. Dr. Muhamad Muda	-	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004

Hal Ehwal Akademik
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Bil	Tajuk Projek	Ketua Projek	Ahli-ahli	Jangkamasa Projek
6	Kesukaran-Kesukaran Bahasa yang Dihadapi oleh Pelajar-Pelajar Pengajian Islam di Dua Universiti : Kajian di KUIM dan UIAM. (UPU(1)/F/2002)	Puan Asma Abdul Rahman	En. Zainur Rijal Abd. Razak	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004.
7	Perlindungan Hak Isteri dalam Pentadbiran Undang-Undang Penceraihan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Selangor. (UPU(1)/G/2002)	Prof. Dr. Abdul Samat Musa	i. En. Arif Fahmi Md Yusof ii. Puan Dina Imam Supaat iii. En. Abdul Manan Ismail	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
8	Perintah Nafkah dan Hadhanah di Selangor : Masalah Penguatkuasaan (UPU(1)/H/2002)	Puan Dina Imam Supaat	Puan Abidah Abdul Ghafar	1 Tahun 1 Feb. 2003 – 31 Jan. 2004
9	Pandangan Ibu Bapa yang Menghantar Anak-Anak ke Sekolah Agama Rakyat di Kedah dan Kelantan Terhadap Sains dan Teknologi. (UPU(1)/A/2003)	En. Mohd Radhi Ibrahim	Dr. H. Abd. Rahim Arsyad	1 Tahun 1 Julai 2003 – 30 Jun 2004
10	Extensive Reading : The Effect on KUIM Students' MUET Achievements. (UPU(1)/B/2003)	Pn. Hazleena Baharun	i. Puan Tun Nur Afizah Zainal Arif ii. Puan Harison Mohd Sidek	1 Tahun 1 Julai 2003 – 30 Jun 2004
11	Pengurusan dan Proses Percetakan Al-Quran di Yayasan Restu, Yayasan Terengganu dan Maktabah Al-Muarif: Kajian Perbandingan (UPU(1)/C/2003)	En. Khairul Anuar Mohamad	i. En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar ii. En. Irwan Mohd Subri	1 Tahun 1 Julai 2003 – 30 Jun 2004
12	Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah (UPU(1)/D/2003)	Prof. Datin Dr. Hjh. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	i. Prof. Madya Dr. Ali Yakub Matondang ii. Puan Asma Abdul Rahman	1 Tahun 1 Julai 2003 – 30 Jun 2004
13	Impact of Rule Making in Relation to Disagreement on Inheritance Law in Islamic Jurisprudence and its Contemporary Implication (Case Study in Selangor). (UPU(1)/E/2003)	Prof Dr. Abdul Samat Musa	Dr. Ben Mohd Bechir	1 Tahun 1 Julai 2003 – 30 Jun 2004

Jadual 7 : Senarai Penyelidikan Pantas KUIM 2003

Bil	Tajuk Projek	Ketua Projek	Ahli-ahli	Jangkamasa Projek
1	Kajian Kes untuk Pengajaran dan Penerbitan I (Berbagai Kajian Kes): <ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan Tol Bersepadu (Pengurusan Perniagaan) ii. Relocating Zoo Negara (Pengurusan) iii. Pengalaman Usahawan Muda Bumiputera dalam Perniagaan Francais (Keusahawanan) P(1)/A/2003 	Prof. Dr. Muhamad Muda	<ul style="list-style-type: none"> i. Puan Hanim Misbah ii. Cik Fara Madehah Ahmad Farid iii. Puan Norhaziah Hashim iv. Puan Nursilah Ahmad v. Puan Zurina Kefeli vi. Cik Suhaila Abdul Hamid 	2 Bulan 1 Mac 2003 - 31 Mei 2003
2	Kajian Kes untuk Pengajaran dan Penerbitan II (Berbagai Kajian Kes): <ul style="list-style-type: none"> i. Aman Shah Penggodam Pertama Malaysia (Teknologi Maklumat) ii. Success and Failure of Negotiation in Waste Management: Case Study on Alam Flora Sdn. Bhd. iii. Permasalahan di Sebalik Pertindihan Perintah Mahkamah Syariah (TITAS) iv. Tahlil (Fiqh al-lbadat) v. Amalan Khurafat di Pulau Besar Melaka (Akidah Islam) P(1)/B/2003 	Prof. Dr. Muhamad Muda	<ul style="list-style-type: none"> i. Cik Selvarani a/p Kovil Pillai ii. Puan Tun Nur Afizah Zainal Arif 	2 Bulan 1 Mac 2003 - 31 Mei 2003
3	Kajian Kes untuk Pengajaran dan penerbitan III (Berbagai Kajian Kes): <ul style="list-style-type: none"> i. Communication: The Issue Between Aida Melly Tan Mutalib and Mahkamah Syariah P(1)/C/2003 	Prof. Dr. Muhamad Muda	<ul style="list-style-type: none"> i. Puan Najwa Hayaati Mohd Alwi ii. Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim iii. Cik Adibah Sulaiman iv. En. Mohd Fauzi Mohd Amin v. En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar vi. En. Irwan Mohd Subri vii. En. Abdul Manan Ismail viii. En. Arif Fahmi Md Yusof ix. En. Mohd Radhi Ibrahim 	1 Tahun 28 Mac 2003 - 27 Mei 2003

Selain menggalakkan penyertaan tenaga akademik untuk menjalankan penyelidikan, KUIM turut mengadakan dan menyertai pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan. Antara aktiviti berkaitan penyelidikan yang boleh didapati dalam kalender penyelidikan KUIM bagi tahun 2003 ialah:

Pameran Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) IPTA 2003

Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) IPTA 2003 telah diadakan pada 9 hingga 12 Oktober 2003 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Pameran yang bertemakan 'Pelaburan dalam Inovasi' ini telah disertai oleh semua IPTA di Malaysia bertujuan untuk menonjolkan kepada masyarakat tentang kemajuan yang dicapai dalam bidang penyelidikan. Dalam pameran ini, setiap penyelidikan dikategorikan mengikut kumpulan iaitu, Science and Engineering, Humanities and Social Sciences, Energy, Material and Environment, Agriculture, Food and Forestry, Bioscience and Biotechnology, Health and Allied Sciences dan Technology and Communication. KUIM telah menyertai pameran ini dalam bentuk pameran poster yang melibatkan 8 buah penyelidikan di bawah kumpulan Humanities and Social Sciences. 3 buah hasil penyelidikan telah terpilih untuk pembentangan dalam persidangan sempena pameran ini.

Ekspo OIC 2003

KUIM turut mengambil bahagian dalam Expo OIC 2003 yang diadakan bersempena Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) pada 14 hingga 19 Oktober 2003 bertempat di Tapak Ekspo OIC, Putrajaya. Dalam Expo ini, KUIM telah mempamerkan 6 buah poster penyelidikan disamping memaparkan prototaip Sistem Pengurusan Fatwa yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan INNOVATION City Sdn. Bhd. Expo yang diadakan selama 6 hari ini telah menerima hampir 170,000.00 kunjungan pelawat daripada pelbagai latar belakang dan negara.

Karnival Amal Jariah Peringkat Antarabangsa Sempena Persidangan OIC Ke-10

Karnival Amal Jariah ini telah diadakan di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil pada 16 hingga 19 Oktober 2003. Karnival ini telah disertai pelbagai organisasi seperti institusi pendidikan, kebudayaan, usahawan dan perniagaan, badan amal dan sebagainya. Dalam karnival ini, disamping mempamerkan poster-poster penyelidikan KUIM, turut dipamerkan ialah poster-poster dan bahan-bahan bercetak yang berkaitan KUIM.



Seminar Hasil Penyelidikan Kuim 2003 Kali Pertama

Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003 Kali Pertama telah diadakan pada 20 Oktober 2003 bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Seminar sehari yang mengumpulkan seluruh tenaga akademik KUIM dan penyertaan peserta luar seperti dari JAKIM, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Jabatan Agama Islam Negeri dan Institusi Pendidikan Islam ini diadakan bertujuan untuk berkongsi penyelidikan dan bertukar-tukar pendapat bagi memperbaiki mutu penyelidikan KUIM. Sebanyak 11 hasil penyelidikan telah dibentangkan dan seminar ini dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Prof. Dr. Hassan Said.



Hal-Ehwal Pelajar



Hal Ehwal Pelajar

Kaunseling

Sepanjang tahun 2003, 88 sesi pertemuan telah dijalankan. Sebanyak 18 pertemuan daripada jumlah tersebut adalah berkaitan dengan penajaan, 20 sesi kaunseling dan 50 lain-lain jenis pertemuan. Pertemuan dengan pelajar dikendalikan secara individu dan kelompok. Pertemuan dilaksanakan melalui temujanji dan juga pertemuan secara terus.

Penajaan

Pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia menerima bantuan pinjaman, biasiswa dan dermasiswa daripada pelbagai agensi. Jadual berikut menunjukkan taburan penaja dan jumlah pelajar yang ditaja mengikut tahun pengajian.

Bil	Organisasi	Tahun			Jumlah Pelajar
		1	2	3	
1	Biasiswa JPA	29	44	39	112
2	Pinjaman MARA	0	14	1	15
3	Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah	0	1	2	3
4	Dermasiswa Kerajaan Negeri Selangor	0	2	0	2
5	Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor	0	4	3	7
6	Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak	0	1	0	1
7	Pembimbingan Keluarga	0	13	1	14
8	PTPTN	562	344	501	1407
9	Yayasan/ pertubuhan lain	0	3	0	3

Perkhidmatan Pusat Sumber Motivasi dan Kerjaya

Pusat sumber ini mempunyai bahan-bahan seperti buku-buku berkaitan personaliti, motivasi, kerjaya, akhbar-akhbar harian, majalah dan prospektus universiti-universiti dalam dan luar negara. Selain itu, pusat sumber ini juga menjadi pusat sumber kerjaya bagi rujukan pelajar tentang iklan kerjaya, profil syarikat, jabatan dan agensi kerajaan dan swasta serta maklumat bakal majikan. Alat kajian dan inventori psikologi juga disediakan supaya pelajar dapat menilai potensi diri sendiri dan memahami kecenderungan diri. Pusat ini dibuka kepada semua pelajar semasa waktu pejabat.



Kajian

Sebanyak 2 jenis kajian telah dijalankan sepanjang tahun 2003. Pertama, Kajian Personaliti Diri yang telah dijalankan di kalangan pelajar Tahun Satu tahun 2003/2004 semasa Minggu Ta'aruf Pelajar Baru yang berlangsung pada 1 hingga 3 Jun 2003. Kajian ini bertujuan melihat persepsi dan persediaan pelajar sebagai mahasiswa semasa mula-mula melangkah ke menara gading. Kedua, kajian dijalankan bagi mendapatkan perkembangan graduan sulung KUIM yang telah menamatkan pengajian. Kajian Pengesahan Graduan ini telah dijalankan sebelum Majlis Konvokesyen Pertama KUIM. Melalui kajian ini, didapati seramai 44 peratus graduan telah mendapat pekerjaan.



Aktiviti Pelajar

1. Program Membina Semangat Berpasukan

Program ini dirangka khusus untuk semua urusetia Mahrajan Kerjaya KUIM 2003 yang terdiri daripada Pembimbing Rakan Universiti. Program yang bertujuan bagi membina semangat kerjasama berpasukan ini telah diadakan pada 01 Januari 2003 yang lalu, bertempat di Camar Laut, Bagan Lalang, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Seramai 60 orang ahli PRU yang terdiri daripada pelajar tahun dua dan tiga telah mengikuti program ini.



2. Mahrajan Kerjaya 2003

Program yang julung-julung kalinya diadakan ini telah berlangsung pada 14 hingga 16 Januari 2003 di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pandan Indah, Selangor Darul Ehsan. Pengisian program selama 5 hari ini adalah seperti Bengkel Imej dan Personaliti, Seminar Kerjaya, Bengkel Menghadapi Temuduga, Resume Writing Workshop dan lain-lain lagi. Agensi kerajaan dan swasta turut dijemput untuk mengadakan pameran. Program ini yang juga merupakan agenda tahunan Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah turut mempunyai objektifnya yang tersendiri. Antaranya adalah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai minat dan kecenderungan kerjaya mereka dan memberikan pendedahan tentang betapa pentingnya persediaan awal menghadapi dunia kerjaya. Di samping itu, program ini turut menyediakan ruang percambahan dan cetusan idea supaya pelajar lebih kreatif di dalam mencari kerjaya yang sesuai.

3. Kursus Kemahiran Fasilitator

Kursus ini telah diadakan pada 23 hingga 25 Mei 2003 yang lalu, bertempat di Kem El-Azzhar, Morib, Selangor Darul Ehsan. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pembimbing Rakan Universiti (PRU) telah terlibat di dalam kursus selama 3 hari 2 malam ini. Melihat kepada keperluan dan perlunya pengetahuan asas serta praktikal bagi menjamin kualiti seorang pembimbing, maka kursus ini dijalankan bagi memberikan peserta

peluang dan pengalaman mendalamai teori dan teknik yang sesuai sebagai pembimbing rakan sebaya yang berkebolehan dan berkemahiran. Selain itu, ia juga dapat memberikan pengetahuan asas berkaitan kemahiran menjadi fasilitator dari aspek teori serta teknik-teknik yang sesuai di dalam menjalankan sesi kelompok di samping mendedahkan pelajar tentang peranan fasilitator di dalam kelompok. Ia juga diharapkan dapat melatih Pembimbing Rakan Universiti secara praktikal bagi mengendalikan sesuatu kelompok.

4. Pameran Pembimbing Rakan Universiti (PRU)

Pameran ini telah diadakan pada 11 Jun 2003 di ruang legar Tingkat 10, Menara B, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Ia bertujuan untuk memperkenalkan peranan dan fungsi Pembimbing Rakan Universiti (PRU) khususnya kepada pelajar-pelajar tahun satu yang baru mendaftar pada 01 Jun 2003 di samping mengiklankan permohonan untuk perlantikan baru Pembimbing Rakan Universiti sesi 2003/2004.

5. Kursus Pra-perkahwinan

Telah diadakan pada 05 hingga 06 Julai 2003 di DK 4, Tingkat 10, Menara B, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Penyertaan dibuka kepada pelajar-pelajar dan kakitangan KUIM sendiri. Yuran penyertaan kursus tersebut ialah sebanyak RM 40 sahaja. Program ini bertujuan untuk memperlengkap diri para peserta yang bakal bergelar suami isteri dan seterusnya melangkah ke alam rumah tangga. Program ini juga diadakan sebagai salah satu program tahunan Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah.

6. Program Pembangunan Mahasiswa - Kursus Biro Tatanegara

Kursus Biro Tatanegara ini telah diadakan pada 26 hingga 30 Julai di tiga buah kem secara serentak iaitu Kem Bina Negara Maran dan Kem Bina Negara, Bukit Sagu, Pahang Darul Makmur serta Kem Bina Negara Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak

Darul Ridzuan. Seramai 420 orang pelajar tahun satu telah terlibat di dalam program ini. Ia merupakan agenda tahunan yang dirangka khusus bagi pelajar-pelajar tahun satu.

7. Program Generasi Wawasan Gemilang (PGWG)

Program Generasi Wawasan Gemilang (PGWG) ini telah diadakan pada 28 Jun 2003 yang lalu. Program ini merupakan program motivasi yang diadakan dengan kerjasama pihak kakitangan Penjara Taiping. Peserta-peserta kursus adalah terdiri daripada anak-anak kakitangan Penjara Taiping dan fasilitator program terdiri daripada barisan Pembimbing Rakan Universiti. Program selama tiga hari dua malam ini bertujuan membantu para pelajar mencapai kejayaan dalam akademik.

8. Seminar Aplikasi Pendekatan Kaunseling Dalam Pembangunan Kendiri

Seminar ini telah diadakan pada 23 Ogos 2003 bertempat di DK 4, Tingkat 10, Menara B, KUIM. Penyertaan dibuka kepada pelajar-pelajar KUIM dan IPTA sekitar Lembah Kelang. Yuran penyertaan dikenakan kepada setiap peserta sebanyak RM 10 untuk para pelajar KUIM dan RM 15 kepada peserta luar. Di antara peserta universiti lain yang terlibat adalah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaya (UM). Antara tajuk pembentangan seminar yang menarik ialah "Ketrampilan Sosial Mahasiswa : Langkah Penguasaan", "Mekanisma Dalam Pengurusan Cinta : Tindakan", "Mengatasi Tekanan Dan 'Burnout' Melalui Pendekatan Kaunseling Di Kalangan Mahasiswa" dan "Kematangan Sensitiviti Gender Di Kalangan Mahasiswa".

9. Program Generasi Wawasan 2003 (Pegawa '03)

Program ini telah diadakan pada 05 hingga 07 September 2003 bertempat di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan. Program ini adalah anjuran Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah dengan kerjasama Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dan merupakan program motivasi dan



kecemerlangan diri yang diadakan khas untuk pelajar-pelajar tingkatan 6 yang akan menduduki peperiksaan STAM/ STPM.

10. Bengkel Pembelajaran Efektif (BPE)

Bengkel ini telah diadakan sepanjang bulan Ogos yang lalu sebagai satu pengisian kepada pelajar sebelum menduduki peperiksaan.

11. Kursus Induksi Pembimbing Rakan Universiti (PRU)

Kursus Induksi Pembimbing Rakan Universiti ini merupakan satu program yang dirangka khusus bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli PRU mengenai konsep dan tanggungjawab PRU serta pengenalan kepada teori-teori dan teknik-teknik asas kaunseling. Kursus yang telah diadakan pada 13 hingga 15 Oktober 2003 di PDS Resort & Camp, Port Dickson, Negeri Sembilan ini mempunyai beberapa objektifnya yang tersendiri. Antaranya ialah membentuk penetapan minda (mind setting) ahli-ahli PRU tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap rakan sebaya yang lain dan memberi pendedahan awal tentang konsep PRU.

12. Kursus Kepimpinan Penggiat Seni Dan Budaya MAKUM

Pada 21 hingga 23 April 2003, bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diadakan Kursus Kepimpinan Penggiat Seni Dan Budaya MAKUM. Antara objektif diadakan kursus ini adalah

untuk membentuk mahasiswa yang dapat mengendalikan sesuatu organisasi dengan baik dan berkesan, mengembangkan minda mereka supaya sealiran dengan aspirasi kerajaan bagi mencapai Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kursus ini dihadiri 3 orang pelajar KUIM yang mana pemilihan mereka berdasarkan penglibatan aktif dalam program kesenian dan kebudayaan KUIM.



13. Pertandingan Dikir Barat Antara Fakulti

Pertandingan Dikir Barat Antara Fakulti anjuran Unit Perhubungan dan Kebudayaan telah berlangsung pada 11 Julai 2003, bertempat di Foyer Asrama Riviera 2 dengan disertai seramai 45 orang peserta. Setiap kumpulan mendendangkan 5 buah lagu iaitu 2 lagu wajib dan 3 lagu pilihan. Fakulti Dakwah dan Kepimpinan telah berjaya menewaskan fakulti lain.

14. Mekar Silaturahhim

Program Mekar Silaturahhim adalah sebuah program sempena kedatangan warga siswa dan sisiwi sesi 2003/2004. Mekar Silaturahhim telah diadakan pada 12 Julai 2003, bertempat di Foyer Asrama Riviera 3 dan Riviera 2. Pelbagai acara yang diadakan untuk mencungkil bakat-bakat baru KUIM, antaranya Pertandingan Melukis Busana Islam, Kuiz, Menulis Puisi, Berbalas Pantun dan lain-lain lagi. Kemudakn program tersebut telah diadakan Pertandingan Tilawah Al- Quran yang mana Johan Qari akan dipilih menyertai Perujian Tilawah Peringkat MAKUM pada bulan Disember

2003. Dengan adanya program seumpama ini, galakan dan minat mahasiswa terhadap seni dan budaya dapat diperluaskan.

15. Pesta Citra Pantun Alaf Baru

Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2003, telah diadakan satu Pesta Citra Pantun Alaf Baru yang telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 16 dan 17 Ogos di Menara B dan Foyer Asrama Riviera 2. Program yang telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timbalan Rektor HEP & Pembangunan) telah dimenangi peserta dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.



di Aras 8, Menara B telah berlangsungnya Karnival Merdeka yang mana pelbagai aktiviti dijalankan bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan. Antara yang menarik ialah Pertandingan Melukis Wajah-wajah Kemerdekaan yang telah disertai seramai 10 orang pelajar. Pertandingan ini telah dimeriahkan lagi dengan beberapa acara lain seperti Kuiz Jalinan Merdeka.

16. Festival Teater MAKUM 2003

Festival Teater MAKUM 2003 anjuran Majlis Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dengan kerjasama Universiti Malaya dan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKPM). Majlis Perasmian Festival Teater MAKUM 2003 telah sempurnakan oleh Dato' Prof. Dr. Razali Agus, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

17. Pertandingan Fotografi 'Kembara Alam dan Kehidupan'

Pertandingan Fotografi bertemakan 'Kembara Alam dan Kehidupan' anjuran Unit Perhubungan dan Kebudayaan yang julung kali telah dilangsungkan majlis pelancarannya pada 18 Julai 2003. Taklimat fotografi telah disampaikan oleh Encik Djohan Shahrin Shah dan majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan) Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias. Pertandingan ini memberi ruang kepada mahasiswa mengembangkan daya kreativiti melalui teknik pengambilan foto menarik berasaskan alam semulajadi.

18. Pertandingan Melukis Wajah-wajah Kemerdekaan

Pada 29 Ogos 2003 Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Universiti pada tahun ini, bertempat

19. Bengkel Muzik Pergendangan

Pada 6 Setember 2003, bertempat di Dewan Kuliah 3 Menara B, telah diadakan Bengkel Muzik Pergendangan 2003 yang mana objektif utamanya ialah bagi memperkenal alat-alat muzik perkusi Melayu tradisional kepada pelajar-pelajar. Bengkel yang julung kali diadakan ini telah disampaikan oleh Encik Kamrul Bahri Husin. Seramai 40 orang pelajar telah mengikuti Bengkel yang berlangsung sehari itu. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timbalan Rektor HEP & Pembangunan).



20. IHTIFAL Nasyid MAKUM

Kumpulan Nasyid perempuan KUIM yang dianggotai seramai 15 orang telah berjaya menaikkan nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) apabila mendapat tempat ketiga dalam Ihtifal Nasyid MAKUM 2003 yang telah diadakan pada 13 Setember 2003, bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pertandingan ini diadakan pada setiap tahun dan merupakan program tahunan MAKUM.



21. Festival Busana Islam MAKUM

Sempena Sambutan 10 Tahun MAKUM, KUIM dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) menganjurkan Festival Busana Islam MAKUM 2003. Program yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Puan Noraini Ahmad, Naib Ketua Puteri Umno. Majlis penutup pada 19hb Oktober telah digamatkan dengan acara peragaan pakaian oleh mahasiswa KUIM dari butik -butik yang menyertai pameran dan jualan.

22. Sukan Jalinan Mesra 2003

Unit Sukan dan Rekreasi HEP KUIM telah menganjurkan Sukan Jalinan Mesra (SJM) 2003

pada 14 Jun 2003. Sukan Jalinan Mesra kali kedua ini dianjurkan bertujuan untuk meraikan para pelajar baru KUIM sesi pengajian 2003/2004 yang telah mendaftar pada 1 Jun yang lalu. SJM 2003 ini telah disertai oleh para pelajar tahun 2, 3 dan kakitangan yang melibatkan acara Bola Sepak, Bola Jaring dan Bola Tampar. Selain dari meraikan para pelajar baru SJM ini akan menjadi kayu pengukur kepada bakat dan penampilan pelajar baru yang akan dipilih bagi persediaan pasukan univeristi dalam aktiviti sukan IPTA.

23. Perasmian Gimnasium Latihan Kecergasan Dan Kesihatan

Tanggal 26 Mei 2003 lalu, Unit Sukan dan Rekreasi HEP Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah mengadakan majlis pelancaran Gimnasium Latihan Kecergasan dan Kesihatan KUIM. Majlis perasmian gimnasium tersebut telah disempurnakan oleh Y. Bhg Prof. Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin, Rektor KUIM yang turut dihadiri oleh kakitangan dan para pelajar. Gimnasium Latihan yang disediakan ini bertujuan untuk menggalakkan warga KUIM khususnya kakitangan dan pelajar agar sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat.



24. Sukan Antara Fakulti

Unit Sukan dan Rekreasi HEP KUIM telah menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2003 bermula dari 5 Julai hingga 24 Ogos yang lalu. SUFA yang berlangsung buat kali ketiga ini dianjurkan bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru di kalangan para pelajar KUIM di samping meneruskan tradisi KUIM dalam mencapai kecemerlangan dalam aktiviti sukan. SUFA 2003 disertai oleh para pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan Fakulti Syariah dan Undang-undang. Kejohanan tersebut telah diadakan di sekitar kampus KUIM iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Indah, Dewan MPAJ dan Sekolah Menengah Seri Tasik yang berdekatan dengan kolej kediaman Sri Penara pada setiap Sabtu dan Ahad. Fakulti Syariah dan Undang-undang berjaya meraih Juara Keseluruhan SUFA 2003.



24. Klinik Boling Padang

Unit Sukan dan Rekreasi HEP Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) buat pertama kalinya telah

menganjurkan Klinik Bowling Padang yang diadakan pada 28 Jun 2003 bertempat di Pusat Bowling Padang, Bukit Kiara. Selain daripada pendedahan teori dan praktikal, para peserta juga diberi peluang untuk menguji bakat dan menyertai pertandingan yang diaturkan oleh pihak penganjur.

25. Klinik Asas Mendayung dan Berkayak

Selaras dengan usaha untuk memperkenalkan sukan baru kepada warga pelajar, Unit Sukan dan Rekreasi telah menganjurkan Klinik Asas Sukan Mendayung dan Berkayak pada bulan Jun dan Julai yang lalu. Klinik yang dikendalikan oleh Persatuan Kayak Kuala Lumpur dan Persatuan Mendayung Malaysia diadakan di Taman Tasik Titiwangsa dan Empangan Batu di Ulu Yam Selangor. Hasil penganjuran klinik tersebut buat pertama kali pasukan KUIM telah menyertai Siri Kejohanan Mendayung dan Kayak MASUM yang dianjurkan pada 4 hingga 7 September 2003.

26. Ekspedisi Kemanusiaan, Program Eksplorasi Dan Siri Pendakian

Buat julung kali pada tanggal 27 - 29 Mac 2003, sepasukan pendaki telah mengadakan ekspedisi kemanusiaan dan bantahan peperangan ke puncak Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan bagi menyatakan sokongan kepada keamanan dan menolak peperangan. Selain itu, pada 1 - 4 Mei 2003 telah diadakan Program Eksplorasi Alam dan Tinjauan Ilmiyah ke Pulau Besar, Melaka anjuran Biro Sukan dan Rekreasi, Majlis Perwakilan Pelajar. Program tersebut dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada pelajar berhubung dengan tinjauan amalan bida'ah yang diamalkan oleh segelintir masyarakat di pulau berkenaan. Ledang Exploration (LEDEX) pula telah diadakan pada 13 - 15 Mei 2003 sebagai penutup kepada program aktiviti luar pada sesi 2002/03.

Aktiviti Sukan KUIM 2003

Bil	Tarikh	Perkara/ Aktiviti
1.	Februari 2003	Kursus Asas Pendidikan Luar dan Rekreasi Unit Sukan dan Rekreasi telah menganjurkan Kursus Asas Pendidikan Luar bagi memberi pendedahan kepada warga pelajar tentang kemahiran asas berhubung penglibatan dengan aktiviti luar.
2.	8 Mac 2003	Malam Anugerah Sukan KUIM Satu majlis ringkas Malam Penghargaan dan Anugerah Sukan telah diadakan bagi mengenang jasa dan penghargaan kepada atlit dan tokoh serta warga KUIM yang telah menyumbang kepada penglibatan sukan di KUIM
3.	13 hingga 15 Mac 2003	Kursus Urusetia Sukan dan Rekreasi Pelajar Kursus tersebut telah diadakan di PDS Resort yang disertai oleh seramai 50 orang pelajar, Urusetia Sukan dan Rekreasi Pelajar. Kursus tersebut antara lain memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan program aktiviti luar seperti rentas lasak dan aktiviti air.
4.	19 hingga 25 April 2003	Kejohanan Sukan Kakitangan IPTA Buat pertama kali kontingen Staf KUIM telah menyertai Kejohanan Sukan Staf IPTA yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari 19 - 25 April 2003. Kontingen KUIM telah disertai seramai 40 orang atlit.
5.	5 Julai hingga 24 Ogos 2003	Sukan Antara Fakulti 2003 Sukan Antara Fakulti (SUFA) telah bermula pada 5 Julai dan berakhir pada 24 Ogos 2003 dan mempertandingkan sebanyak 8 jenis sukan yang meliputi 12 acara. SUFA 2003 telah disertai oleh semua fakulti. Fakulti Syariah dan Undang-undang telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan SUFA 2003.
6.	26 hingga 28 Julai 2003	Kejohanan Silat Olahraga IPTA Di Universiti Malaya Seramai 16 peserta terlibat di dalam kejohanan ini dan kontingen KUIM telah berjaya merangkul 4 pingat gangsa.



Bil	Tarikh	Perkara/ Aktiviti
7.	26 hingga 28 Julai 2003	Kejohanan Taekwando Jemputan IPTA di Universiti Kebangsaan Malaysia Pasukan KUIM telah berjaya merangkul 2 pingat gangsa
8.	30 Julai hingga 4 Ogos 2003	Kejohanan Taekwando di Universiti Islam Antarabangsa Pasukan KUIM telah menghantar wakil dalam kejohanan tersebut
9.	15 hingga 17 Ogos 2003	Kejohanan Taekwando IPTA di Universiti Sains Malaysia Pasukan KUIM telah berjaya merangkul 1 pingat emas dan 1 gangsa di dalam kejohanan yang turut disertai oleh IPTA seluruh Malaysia.
10.	15 hingga 17 Ogos 2003	Kejohanan Siri Sukan MASUM UPM KUIM telah menghantar pasukan badminton lelaki bagi menyertai kejohanan tersebut.
11.	12 Julai hingga 23 Ogos 2003	Uni-League 2003 Pasukan KUIM telah menamatkan saingen Divisyen 2 dengan berkongsi tempat ke 3 dengan pasukan KUSTEM.
12.	4 hingga 7 September 2003	Kejohanan Siri Sukan MASUM Seramai 17 orang atlit Sepak Takraw dan pegawai telah menyertai Kejohanan Siri Sukan MASUM di UiTM dari 4-7 September 2003. Pasukan Kayak dan Mendayung telah menghantar 22 orang peserta bagi Kejohanan Regatta Mendayung dan Kayak di Empangan Batu Ulu Yam dari 4 hingga 7 September 2003. Penyertaan julung kali ini bertujuan untuk memberi pengajaran dan pengalaman berguna setelah pasukan ini berjaya menjalani latihan dan kursus di Tasik Titiwangsa dan Ulu Yam dibawah bimbingan Persatuan Mendayung Malaysia dan Persatuan Kayak Kuala Lumpur.
13.	11 hingga 15 Oktober 2003	Kejohanan Sukan MASUM Majlis Penyerahan Bendera dan Lafaz Ikrar telah disempurnakan oleh Y. Bhg Dato' Rektor dalam satu upacara ringkas di kampus KUIM pada 15 Oktober 2003
14.	16 hingga 22 Oktober 2003	Karnival Sukan MASUM 2003 Kontingen KUIM telah menyertai Kejohanan Sukan MASUM 2003 di UUM Sintok yang berlangsung dari 17 hingga 22 Oktober 2003. Kontingen KUIM diwakili seramai 120 orang atlit dan pegawai. Antara acara yang disertai ialah Bola Tampar Lelaki, Bola Jaring, Bola Baling Lelaki/ Wanita, Ping Pong Lelaki/ Wanita dan 2 baru iaitu Boling Wanita dan Catur. Pencapaian terbaik Kontingen KUIM di Sukan MASUM 2003 adalah menerusi pasukan Ping Pong Lelaki yang melayakkan diri ke peringkat suku akhir buat kali pertama sejak penyertaan KUIM pada tahun 2000.



Hal-Ehwal Pentadbiran Fakulti



Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Pada Februari 2003, mesyuarat fakulti kali ke 2/2003 bersetuju agar nama fakulti ini ditukar kepada Fakulti Syariah Dan Undang-Undang yang mana usul tersebut telah pun di bawa ke Mesyuarat Senat pada 19 Mac 2003, dan akhirnya mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 30 Mei 2003 yang lalu.

Rasional pertukaran nama fakulti ini antaranya ialah :

- Bagi menyesuaikan dengan pertambahan dan penekanan program berkaitan Syariah dan Undang-Undang yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan.
- Menggambarkan gabungan pengajian di fakulti yang terdiri daripada dua disiplin bersepada iaitu Syariah dan Undang-Undang.
- Nama baru ini juga memberi peluang kepada graduan KUIM khususnya dari fakulti ini untuk meluaskan bidang kerjaya di dalam bidang yang relevan dan memenuhi pasaran masa kini seperti Hakim Mahkamah Syariah, Peguam dan Peguam Syarie, Pegawai Tadbir dan mana-mana badan Korporat yang menawarkan peluang kerjaya yang bersamaan dengan program yang ditawarkan oleh fakulti ini.

Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dicadang diperkenalkan pada tahun 2004 iaitu dengan permulaan pengambilan pelajar adalah seramai 50 orang.

Kertas cadangan porogram ini telah pun mendapat kelulusan Mesyuarat Senat Universiti iaitu pada 29

September 2003 yang lalu dan telah pun di bawa ke dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti iaitu pada 6 Oktober 2003.

Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah dalam bidang perundungan secara dua pengkhususan (double major) iaitu Syariah dan Undang-Undang. Manakala antara matlamat program ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan graduan yang berkelayakan sebagai pengamal undang-undang yang mampu memahami bidang Syariah dan Undang-undang secara serentak dan mempunyai kemahiran profesional yang diiktiraf untuk mengamalkannya dalam sistem perundungan sivil dan syariah.

• Program Pembangunan Pelajar

Sepanjang tahun 2003 ini, fakulti telah merancang pelbagai program pembangunan yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Berikut disenaraikan aktiviti pelajar FSU sepanjang tahun 2003.



Bil	Nama Program	Tarikh/ Bulan	Tempat	Sasaran Penyertaan	Catatan
1.	Konvensyen Mahasiswa Undang-Undang Syariah Kebangsaan	25-26 Januari 2003	Pusat Belia Antarabangsa, Cheras	Mahasiswa IPTA Seluruh Negara	Dikendalikan oleh pelajar, pensyarah dan pentadbiran FSU
2.	Diskusi Syariah dan Undang-Undang Siri I, Tema: "Isu Syariah dan Undang-Undang"	31 Mac 2003	Bilik Mesyuarat Fakulti Tingkat 13, KUIM	Pensyarah dan Pelajar FSU	Pembentangan oleh beberapa pensyarah FSU iaitu: i. Dr. Mohamed Khair Hasb El Rasoul ii. En. Irwan Mohd Subri iii. En. Arif Fahmi Md Yusof
3.	Bengkel Pemantapan dan Pembangunan Program Akademik FSU	16-18 Mei 2003	Century Mahkota, Melaka	Pensyarah FSU	Turut membincangkan cadangan program baru FSU iaitu Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang
4.	Taklimat Pelajar Tahun baru Sesi 2003/ 2004 dan Majlis Anugerah Dekan FSU	10 Jun 2003	Dewan Kuliah 1, Menara B. KUIM	Pensyarah dan Pelajar FSU	Berjalan dengan lancar
5.	Bengkel Penyediaan Projek Ilmiah	21 Jun 2003	Bilik Tutorial 1-5, Menara B, KUIM	Pelajar Tahun 3, FSU	Berjalan dengan lancar
6.	Lawatan Ke Parlimen	24 Jun 2003	Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur	Pelajar Tahun 2 & 3, FSU	Diiringi oleh 2 orang pensyarah FSU
7.	Seminar Pengenalan Undang-Undang Kali Ke-2	17 Julai 2003	Dewan Kuliah I, Manara B, KUIM	Pensyarah dan Semua Pelajar FSU	Menjemput penceramah dalam dan luar iaitu: i. Y. Bhg. Dato' Mohd Zaidi Mohd Zain (Pengamal Undang-Undang) ii. Prof. Madya Dr Sakinah (Pensyarah Fakulti Undang-Undang, UKM) iii. Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh (Pensyarah FSU)
8.	Diskusi Syariah dan Undang-Undang Siri II, Tema: "Isu Keluarga Daripada Perspektif Undang-Undang Dan Syariah	26 Julai 2003	Dewan Kuliah I, Manara B, KUIM	Pensyarah, Pelajar FSU, Kakitangan KUIM dan Peserta Luar	Pembentangan oleh pensyarah FSU iaitu i. Dr. Farida Zou-Zou ii. Pn. Dina Imam Supaat iii. En. Abdul Manan Ismail

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Bil	Nama Program	Tarikh/ Bulan	Tempat	Sasaran Penyertaan	Catatan
9.	Pameran Konvokesyen FSU'	8 Ogos 2003	Tapak Konvo Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur	Penglibatan oleh Pelajar Tahun 1,2 dan FSU	Berjalan dengan lancar
10.	Kem Cemerlang FSU	29-31 Ogos 2003	Kem El-Ezhar, Morib, Selangor	Pelajar Tahun 2 FSU	Dikendalikan oleh pelajar, pensyarah dan kakitangan pentadbiran FSU
11.	Bengkel Bahasa Inggeris FSU	17-19 Oktober 2003	Ujana Harmonis, Gombak, Selangor	Pelajar Tahun 1 dan 2, FSU	Dikendalikan oleh pensyarah dan pentadbiran FSU
12.	Diskusi Syariah dan Undang-Undang siri III & IV, Tema: "Consumer Law & Undang-undang dan Syariah"	13 Disember 2003	Dewan Kuliah I, Manara B, KUIM	Pensyarah, Pelajar FSU, Kakitangan KUIM dan Peserta Luar	Dikendalikan oleh pensyarah dan pentadbiran FSU Sesi pembentangan oleh: i. Pn. Syahirah/ Pn. Abidah ii. Pn. Dina Imam Supaat iii. Pn. Farah Salwani
13.	Program Interaksi Mahabbah FSU	20 Disember 2003	Menara B, KUIM	Pensyarah, Pelajar dan Kakitangan FSU	Dikendalikan oleh pelajar FSU
14.	Bengkel Siswa Siswi Cemerlang	24 & 27 Disember 2003	Dewan Kuliah I, Manara B, KUIM	Pelajar yang memperolehi keputusan terbaik (PNGK 3.00 ke atas)	Dikendalikan oleh pensyarah dan pentadbiran FSU
15.	Kolokium Syariah Peringkat Kebangsaan, Tema: "Cabaran Menghadapi Ancaman Rasuah Dalam Institusi Pentadbiran Islam di Malaysia"	Disember 2003	Dewan BPR, Putrajaya	Pensyarah, Pelajar IPTA, Kakitangan Awam, Badan-Badan Korporat	Dikendalikan oleh pelajar, pensyarah dan pentadbiran FSU

Jadual 8 : Program Fakulti Peringkat Kebangsaan

Bil	Nama Program	Tarikh/ Bulan	Tempat	Sasaran Penyertaan
1.	Seminar Syariah dan Koperasi	25-26 Mei 2003	Hotel Equatorial Bangi, Selangor	Pensyarah, Pelajar IPTA, Kakitangan Awan dan Badan-Badan Korporat

Sepanjang 2003 fakulti ini telah menghantar tenaga akademik bagi menghadiri persidangan dan seminar sama ada dalam mahupun luar negara sebagai wakil

Fakulti ataupun wakil Universiti seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Bil	Tarikh	Nama Persidangan/ Seminar	Tenaga Akademik Yang Terlibat	Tempat
1.	10 Januari 2003	Bengkel sasaran dan Peluang Kerjaya Mahasiswa / Fakulti Syariah dan Kehakiman	Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa (Dekan FSU) – Penceramah	KUIM
2.	10 Febuari 2003	Bengkel Kajian Masalah Pengangguran di Kalangan Siswazah IPTA	Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa (Dekan FSU) – Peserta	Hotel Pan Pacific, KLIA
3.	18-19 Febuari 2003	Muzakarah Pakar “ Towards The Promulgation Of a More Comprehensive Islamic Business And Banking Laws In Malaysia”	Pn. Abidah Abdul Ghafar – Peserta	Dewan Besar IKIM
4.	22 Februari 2003	Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah IV kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaian	Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail – Peserta En. Arif Fahmi Md Yusof – Peserta En. Irwan Mohd Subri – Peserta	Mahkamah MUT, UIAM
5.	6-7 Mac 2003	Seminar Halal: The Concept And Its Business Opportunities	En. Abdul Manan Ismail – Peserta	Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur
6.	18-19 Mac 2003	Bengkel Islamic Capital Market	Pn. Syahirah Abdul Shukor – Peserta Pn. Abidah Abdul Ghafar – Peserta	Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur
7.	19 Mac 2003	Seminar Pemantapan Aktiviti Kebudayaan KUIM: Langkah Pencarian Ceruk (NICHE)	Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa (Dekan FSU) – Penceramah	Bilik Kuliah 1 & 2, KUIM

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Bil	Tarikh	Nama Persidangan/ Seminar	Tenaga Akademik Yang Terlibat	Tempat
8.	26 April 2003	Multaqa Ulama	Dr. Farida Zou Zou – Peserta	Mint Hotel, Selangor
9.	10 - 11 Mei 2003	Kursus Pertuturan Efektif Bahasa Inggeris	En. Irwan Mohd Subri – Peserta	Vistana Hotel, Kuala Lumpur
10.	19 - 21 Mei 2003	Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan	En. Irwan Mohd Subri – Peserta	Hotel Pan Pacific , Johor Bharu
11.	19 - 21 Mei 2003	Workshop On Fiqh Muamalat In Islamic Banking & Finance	Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail – Peserta Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh – Peserta	Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur
12.	12 - 13 Jun 2003	Seminar Ke arah Memperkemasan Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah Syariah	Pn. Abidah Abdul Ghafar – Peserta En. Abdul Hamid Murad – Peserta	Hotel Hilton, Seremban
13.	10-12 Jun 2003	Seminar : Multaqa Ulama Sedunia	Dr. Farida Zou Zou – Peserta	Hotel J.W Marriot, Putrajaya
14.	21-24 Jun 2003	Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Pensyarah-Pensyarah Muda IPTA 2/2003	En. Arif Fahmi Md Yusof – Peserta En. Abdul Hamid Murad – Peserta	BTN Balik Pulau, Pulau Pinang
15.	25 Ogos 2003	Indonesian Councilors At-Law Association / bar council Malaysian Discourse	Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa (Dekan FSU) – Peserta	Bar Council Auditorium
16.	25 - 27 Ogos 2003	Seminar Antarabangsa “ Towards The Promulgation Of An Appropriate Islamic Criminal Justice System In a Multi-Religious Islamic Country	En. Arif Fahmi Md Yusof – Peserta	Hotel Pan Pacific, Johor Bharu
17.	7 - 9 September 2003	International Seminar: Islam and Challenges of Science and Technology In The 21st Century	Pn. Syahirah Abdul Shukor – Peserta	Hotel Pan Pacific, Johor Bharu
18.	9 - 10 September 2003	Seminar Antarabangsa “ Understanding And Acceptability o Biotechnology From Islamic Perspective”	Dr. Mohamed Khair Hasb El-Rasoul – Peserta	Hotel Crown, Plaza Riverside, Kuching, Sarawak

Bil	Tarikh	Nama Persidangan/ Seminar	Tenaga Akademik Yang Terlibat	Tempat
19.	11 September 2003	Seminar Paradigma Dakwah Dan Fanatism Peringkat Kebangsaan	En. Irwan Mohd Subri – Peserta	Hotel Renaissance, Kuala Lumpur
20.	16 - 17 September 2003	Konvensyen Pembangunan Pendidikan Ummah	Cik Syaryanti Hussin – Peserta	Riviera Bay Resort, Tanjung Kling, Melaka
21.	24 - 25 September 2003	Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa	En. Abdul Manan Ismail – Pembentang En. Irwan Mohd Subri – Pembentang Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail – Pembentang	Auditorium KISDAR, Bangi
22.	25 September 2003	International Seminar On Open Learning	Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh – Peserta	UPSI
23.	1-2 Oktober 2003	Muslim Unity In the 21st Century “Opportunities And Chalenges”	Dr. Mohamed Ben Mohamed Bechir - Peserta Dr. Farida Zou Zou – Pembentang	Hotel Nikko, Kuala Lumpur
24.	2-5 Oktober 2003	Persidangan Sempena Pameran Penyelidikan Dan Pembangunan IPTA 2003	Pn. Syahirah Abdul Shukor – Pembentang	PWTC
25.	16 Oktober 2003	Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan (siri ke tiga)	Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail - Peserta	Royal Adelphi, Seremban
26.	16 Oktober 2003	Wacana Pendidikan Peringkat Kebangsaan (siri ke dua)	En. Irwan Mohd Subri - Pembentang En. Abdul Manan Ismail – Pembentang	Allson Klana, Seremban
27.	19 - 21 Oktober 2003	Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan	En. Irwan Mohd Subri – Pembentang En. Abdul Manan Ismail – Pembentang	Hotel Pan Pacific, Johor Bahru

Sehingga akhir tahun 2003, fakulti telah mengeluarkan sebuah buku yang bertajuk "Kajian Syariah Dan Undang-Undang" yang mana penyumbang artikel terdiri daripada Dekan FSU sendiri, beberapa orang pensyarah FSU, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan

Pengurusan, pensyarah Pengajian Al-Quran dan Sunnah dan beberapa orang pensyarah luar KUIM iaitu dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Tahun 2003 menyaksikan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) mencatat beberapa kejayaan sama ada daripada segi pembangunan akademik, aktiviti pelajar mahu pun pencapaian kakitangannya. Kesudian pihak Universiti untuk memberi peruntukan aktiviti kepada semua fakulti mulai tahun ini sebanyak RM 50,000.00 telah membantu membolehkan pelbagai program dilaksanakan dengan jayanya dan pihak FPQS percaya langkah ini akan dapat menyumbang kepada pembangunan akademik dan sahsiah mahasiswa di KUIM. Ini penting kerana, pencapaian akademik yang cemerlang perlu diseimbangkan dengan kemahiran sosial serta ko-kurikulum agar graduan yang dihasilkan benar-benar mencapai piawaian sebuah Universiti terbaik selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi Pusat Pengajian Ilmu yang terulung sama ada di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.



Pihak PQS menyedari bahawa mahasiswa perlu diberikan bimbingan dan pengetahuan yang secukupnya bagi membolehkan mereka mempersiapkan diri sebelum menyertai masyarakat. Pihak FPQS memahami akan peranan dan tanggungjawab yang dipikul bagi membentuk mahasiswa yang berilmu, berdisiplin dan juga bertakwa. Justeru, pada tahun 2003, FPQS telah merangka Pelan Pembangunan Mahasiswa FPQS yang meliputi usaha



pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti Hal Ehwal Pelajar (HEP), Akademik, Unit Bahasa dan sebagainya. Usaha ini dirancang bagi memastikan FPQS mampu menghasilkan lebih ramai graduan kelas pertama di samping menepati kehendak pasaran.

Program yang dijalankan oleh FPQS meliputi pelbagai kelompok sasaran. Bermula daripada pelajar tahun pertama hingga pelajar tahun ketiga. Sebanyak tujuh bengkel dan taklimat telah diadakan. Program-program diharapkan dapat memberi input-input baru, motivasi, kemahiran dan keyakinan kepada pelajar untuk mencapai kejayaan yang seimbang. Antara program pembangunan akademik yang telah dijalankan oleh FPQS ialah Bengkel Pendedahan Latihan Amali, Taklimat Pelajar Tahun 1, Bengkel Penulisan Projek Ilmiah, Bengkel Kecemerlangan Mahasiswa, Bengkel Pembangunan Akademik Tahun 1, Bengkel Mahasiswa Cemerlang dan Taklimat Halatuju Pelajar Tahun Kepujian FPQS. Dalam itu juga, penerima Anugerah Dekan FPQS telah dilatih untuk menjadi fasilitator akademik bagi program pembangunan akademik yang dianjurkan oleh pihak fakulti. Usaha ini akan membolehkan mereka berkongsi pengetahuan dan kemahiran membimbing para pelajar yang lemah dalam akademik.

Selain aktiviti pembangunan akademik, pihak FPQS telah menggalakkan para pelajarnya menyertai pelbagai aktiviti ko-kurikulum. Antar aktiviti yang disertai oleh para pelajar FPQS ialah Sukan Antara Fakulti (SUFA), Pertandingan Pantun antara Fakulti, Debat

antara Fakulti. Pameran Fakulti Sempena Majlis Konvokesyen Pertama KUIM,Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Universiti, Pertandingan Menghazz Al-Quran dan juga Hari Keluarga FPQS 2003.

Pada tahun 2003, beberapa kejayaan telah dicapai oleh FPQS. Antaranya, dua orang graduan kumpulan pertamanya iaitu Puan Hasyimah Bt Hanafi dan Cik Suryati Bt Yusof telah menerima Ijazah Kelas Pertama. Ini membolehkan mereka menerima Anugerah Rektor dan Hadiah Buku Akulti. Tiga orang pelajar tahun pertama FPQS juga telah dipilih mewakili negeri masing-masing ke Perujian Membaca Al-Quran pada tahun ini. Mereka terdiri daripada Rosliza Bt Faiz Moh Hata (Selangor), Nazaria Ulfa Bt Mohd Noor (Wilayah Persekutuan) dan juga Hayati Bt Husin (Melaka). Selain itu juga, pelajar tahun kepujian FPQS, Mohd Izan Bin Mohd Taslim, telah memenangi hadiah pertama Pertandingan Mengarang Esei Sempena Hari Standart dan Kualiti Peringkat Kebangsaan bagi kategori Bahasa Melayu.

Pada tahun 2003 juga, FPQS telah berjaya menganjurkan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Seminar ini telah berjaya menarik pelbagai pihak khususnya dari Maahad Tahfiz dan juga institusi pengajaran Al-Quran yang berkesan pada masa ini. Selain itu juga, program Nadwah Ilmiyah yang merupakan medan perbincangan akademik telah berjaya diadakan sebanyak tiga siri dan menarik perhatian peserta dengan mengupas pelbagai isu. Antara tokoh yang dijemput dalam program ini ialah Dr. Mohammed Abullais dan Prof. Dr. Mohamad Ben Nasr daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Bagi membantu para kakitangan akademik FPQS meningkatkan kualiti akademik mereka, beberapa bengkel telah diadakan disamping beberapa lagi siri latihan teknik pengajaran yang berkesan diadakan dari semasa ke semasa, sama ada dianjurkan oleh pihak fakulti mahu pun dengan kerjasama Unit/Bahagian lain di KUIM seperti Bengkel Mentoring, Kaedah Penulisan Buku Ilmiah dan Kaedah Penyelidikan menggunakan SPSS.

Jadual 9 : Aktiviti/ Program FPQS 2003

Program	Tarikh	Peserta
Bengkel Pendedahan Latihan Amali	8 - 9 Mac 2003	Pelajar Tahun 2 sesi 2002/2003
Taklimat Pelajar Tahun 1 & Majlis Anugerah Dekan	6 Jun 2003	Pelajar Tahun Pertama FPQS
Bengkel Penulisan Projek Ilmiah	21 Jun 2003	Pelajar Tahun Kepujian FPQS
Bengkel Kecemerlangan Mahasiswa	18 - 20 Julai 2003	Pelajar PNGS dan PNGK bawah 2.50
Bengkel Asilitator Akademik FPQS	13 Ogos 2003	Penerima Anugerah Dekan
Bengkel Pembangunan Akademik Tahun 1	16 - 17 Ogos 2003	Pelajar Tahun Pertama FPQS
Bengkel Mahasiswa Cemerlang	12 - 14 September 2003	Pelajar Cemerlang FPQS
Taklimat Halatuju Pelajar Tahun Kepujian FPQS	7 Oktober 2003	Pelajar Tahun Kepujian FPQS

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Jadual 10 : Senarai Aktiviti Pelajar FPQS

Aktiviti	Anjuran	Tarikh
Sukan Antara Fakulti	HEP	5-24 Jun 2002
Pertandingan Pantun Antara Fakulti	HEP	16 Ogos 2003
Debat Antara Fakulti	Kelab Debat	5-6 September 2003
Pameran Konvokesyen	HEP	9 Ogos 2003
Sambutan Kemerdekaan	HEP	29 Ogos 2003
Hari Keluarga FPQS	FPQS	6 Disember 2003
Pertandingan Menghafaz Al-Quran	FPQS	29-31 Disember 2003

Jadual 11 : Bengkel Persidangan Anjuran FPQS

Program	Tarikh	Tempat	Pembentang	Penyertaan
Nadwah Ilmiyah Siri I	24 Januari 2003	Dewan Kuliah 1	Dr. Mohammed Abullais (UIA)	200 orang
Nadwah Ilmiah Siri 2	12 Julai 2003	Bilik Kuliah 1-3	i) Prof. Dr Mohamad Ben Nasr (UIA) ii) Dr. Afaf Abd Ghafoor	200 orang
Seminar Keadah Pengajaran dan Tahfiz Al - Quran Peringkat Kebangsaan	17 Mei 2003	Dewan MPAJ	Pensyarah dari dalam dan luar KUIM	100 orang
Bengkel Mentoring Kakitangan Akademik FPQS	14 Julai 2003	Bilik Mesyuarat Fakulti	Kakitangan Akademik FPQS	14 orang
Nadwah Ilmiah siri 3	13 Disember 2003	Dewan Kuliah 1		

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Sepanjang tahun 2003, sebanyak empat (4) siri Wacana Ilmu Bulanan telah diadakan. Program ini diadakan untuk mengenalpasti skop dan kedalamannya kajian literatur jurnal-jurnal terbitan IPTA mengenai isu-isu muamalat. Sehubungan itu, setiap sesi diperuntukan dengan pembentangan Analisis Kandungan Jurnal (Content Analysis) yang telah

dikenal pasti dan pesertanya terdiri daripada semua kakitangan akademik Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dan Unit Pengajian Umum (UPU). Adalah diharapkan usaha ini dapat membantu proses pencarian ceruk ahli akademik FEM dan UPU. Berikut adalah senarai nama pembentangan dan nama jurnal yang telah dianalisa:

2003	Nama Jurnal	Pembentang Kertas Kerja
1. Januari	Jurnal IKIM	Pn. Nursilah Ahmad
2. Jun	Journal of Economics & Management (UIA)	Cik Fara Madehah Ahmad Farid
3. Julai	Jurnal Fikrah (UITM)	Pn. Nor Haziah Hashim
	Jurnal Islamiyyat (UKM)	Pn. Hanim Misbah
4. Disember	Jurnal Syariah (UM)	Pn. Zurina Kefeli
	Jurnal of Islamic Studies (Oxford Press)	Dr. Muhamad Sharif Bashir

FEM dengan kerjasama UPU telah menganjurkan enam siri Bengkel Pengukuhan Asas Fiqh Muamalat sepanjang tahun 2003 ini. Bengkel yang dilahirkan di atas inisiatif Dekan Fakulti, Prof. Dr. Muhamad Muda, telah diadakan untuk meningkatkan pemahaman ahli akademik FEM dan UPU terhadap konsep dan skop fiqh muamalat. Setiap sesi diisi dengan pembentangan kertas kerja daripada penceramah yang terdiri daripada

pensyarah-pensyarah jemputan daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU). Sesi soal jawab selama satu jam diperuntukkan setiap kali bengkel diadakan bagi memantapkan pemahaman para peserta mengenai isu berkaitan fiqh-muamalat. Berikut ialah bengkel yang telah dianjurkan oleh FEM:

2003	Nama Jurnal	Pembentang Kertas Kerja
1. Mac	Sebab Perselisihan Pendapat Di Antara Ulama' Di Dalam Fiqh	En. Mohd Yunus Abd Azizi Pensyarah FSU
2. April	Penghujahan Al-Quran dalam Tasyrik	En. Syed Tarmizi Syed Omar
3. Mei	Penghujahan Al-Sunnah dalam Tasyrik	En. Mohd Zohdi Mohd Amin
4. Julai	Al-Nasakh Wal-Mansukh	En. Mohd Yunus Abd Azizi Pensyarah FSU
5. Oktober	Qawai'd Fidiyah(Metodologi Fiqh)	En. Abdul Manan Ismail Pensyarah FSU
6. Disember	Al-Qiyas Wal-Ijtihad	En. Irwan Mohd Sobri Pensyarah FSU

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Laporan Tahunan 2003
KUIM

Berikut disenaraikan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2003.

Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I dan II

Bengkel anjuran FEM dan UPU ini telah dikendalikan dalam dua siri, iaitu masing-masing pada 5-6 Mac 2003 dan 28-31 Mei 2003. Siri pertama membincang-kan mengenai pengenalan kepada penyelidikan dan penulisan kes dengan mempelajari bagaimana untuk menyediakan draf kes manakala siri kedua menerangkan cara penulisan, membuat kritikan dan menerbitkan kes sebagai sumber ilmu dan alat pengajaran. Bengkel ini telah diadakan di Makmal Bahasa KUIM dan ia terbuka kepada semua kakitangan akademik Kolej Universiti Islam Malaysia.

Bengkel Intensif Bahasa Arab Pelajar FEM Sesi 2002/ 2003

Bagi memperkuatkkan penguasaan nahu dan saraf bahasa Arab di kalangan pelajar FEM satu bengkel intensif telah diadakan pada 7-9 Mac 2003, dengan kerjasama Unit Bahasa Arab KUIM. Program ini berjaya mendapat sambutan dengan kehadiran 92 orang pelajar.

Lawatan Sambil Belajar Pelajar FEM ke EON Berhad, Shah Alam

Pihak FEM telah mengorak langkah bagi mendedahkan para pelajarnya tentang strategi pemasaran, pengedaran, persaingan, perletakan harga serta cabaran di dalam persekitaran perniagaan dengan melaksanakan lawatan sambil belajar pelajar FEM ke EON Berhad, Shah Alam pada 11 Mac 2003. Lawatan ini telah disertai oleh tiga orang pengiring dan 100 orang pelajar Tahun 1 FEM, Sesi 2002/2003.

Majlis Anugerah Dekan Semester II, Sesi 2002/2003 dan Taklimat Pelajar Baru FEM

Majlis Anugerah Dekan Semester II, Sesi 2002/2003 telah diadakan pada 19 Jun 2003. Dalam majlis tersebut, seramai dua orang pelajar yang mencapai PNGS 3.60 ke atas pada peperiksaan akhir Semester II Sesi 2002/ 2003 telah menerima Sijil

Penganugerahan masing-masing. Anugerah telah disampaikan oleh Dekan Fakulti. Selain itu, satu Taklimat Pelajar Baru juga telah diadakan dalam majlis yang sama. Ia bertujuan untuk memberi pengenalan tentang program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat kepada pelajar baru di samping memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar lain agar meningkatkan kecemerlangan mereka ke tahap yang maksimum.

Bengkel Pengukuhan Akademik Siri 3 FEM

Bengkel Pengukuhan Akademik Siri 3 FEM telah diadakan pada 18-20 Julai 2003 bertempat di Kem El-Ezhar, Morib, Selangor. Seramai 29 orang pelajar FEM telah mengikuti program ini dan dua orang pensyarah telah dilantik sebagai fasilitator. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkenaan peningkatan keyakinan diri, pengurusan masa yang berkesan dan strategi pembelajaran yang berkesan.

Lawatan Sambil Belajar Kursus KD 2413

Satu lawatan telah diadakan ke Bank Negara Malaysia pada 26 Julai 2003 dan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 23 Ogos 2003. Ia adalah bertujuan bagi mendedahkan para pelajar tentang kemahiran membentang, menganalisis, menginterpretasi data statistik khususnya yang membantu pengurusan membuat keputusan berkaitan perniagaan.

Sanggar Kerja Halatuju dan Perancangan Strategik Fakulti 2002-2008 FEM

Sanggar Kerja Halatuju dan Perancangan Strategik Fakulti 2002-2008 FEM telah diadakan pada 30 Julai 2003 bertempat di Hotel Pan Pacific KLIA, Sepang. Sanggar kerja yang dihadiri oleh kakitangan akademik dan pentadbiran Fakulti ini antara lain bertujuan untuk membincangkan halatuju dan perancangan jangka panjang Fakulti dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan Fakulti bagi menghadapi cabaran masa depan. Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar bin Ismail, pensyarah daripada Jabatan Analisis Ekonomi dan Dasar Awam, UKM telah dijemput bagi membentangkan kertas kerja Halatuju Penyelidikan Ekonomi Islam.



Gerai Pameran FEM Sempena Konvokesyen Kali Pertama KUIM

Gerai pemeran Fakulti Ekonomi dan Muamalat telah dibuka sempena Konvokesyen kali Pertama KUIM pada 9 Ogos 2003 bertempat di tempat letak kereta Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur. Persiapan dan pembukaan gerai ini telah dijayaikan oleh pelajar FEM sendiri. Pameran ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan FEM kepada masyarakat dan seterusnya memberi pendedahan kepada pelajar supaya dapat berkomunikasi dengan orang ramai.

Ceramah Kerjaya Sempena Minggu Pendidikan Tinggi KMNS

Sempena Minggu Pendidikan Tinggi Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS) Negeri Sembilan pada 10 Oktober 2003, pihak Fakulti telah menghantar tiga kakitangan dan dua orang pelajar FEM bagi mewakili KUIM untuk menyampaikan ceramah kerjaya dan terlibat dalam pameran pendidikan di sana. Ia bertujuan untuk mempromosi dan memberi peluang kepada para pelajar matrikulasi bagi mengenal Fakulti khususnya dan KUIM amnya.

Bengkel Metodologi Penyelidikan : Pakej Analisis SPSS

Bengkel ini telah dijalankan di Makmal 2, Menara A pada 13-14 Oktober 2003 yang lalu. Bengkel ini dikendalikan oleh tiga (3) orang fasilitator yang terdiri daripada kakitangan akademik Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) sendiri. Ia telah dihadiri oleh 23 orang

pensyarah KUIM. Antara objektif bengkel anjuran FEM dan UPU ini adalah untuk memdedahkan para penyelidik dan juga membentuk kemahiran penyelidik KUIM dalam menggunakan pakej analisis statistik berkomputer.

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Tahun 2003 merupakan tahun di mana Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), yang dahulunya dikenali dengan nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan (FDPI), mengalami pelbagai perkembangan daripada segi pembangunan akademik, aktiviti mahasiswa mahupun kakitangan.

Bermula dengan cadangan penawaran dua program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) yang dijangka akan ditawarkan mulai Sesi 2004/2005 di samping program sedia ada iaitu Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam (Kepujian), perubahan daripada segi nama fakulti dan struktur organisasi diwujudkan. Perkembangan yang positif ini akan memberikan impak kepada potensi graduan yang bakal dilahirkan.

Sebagai usaha untuk menjamin kualiti pengajaran-pembelajaran serta mempastikan bakal graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan tenaga kerja negara, FKP telah mennganjurkan satu Bengkel Semakan dan Pemantapan Kurikulum di Cameron Highlands, Pahang pada 13-15 Oktober 2003. Bengkel ini secara keseluruhannya telah berjaya mencapai objektifnya dengan merangka penstrukturkan semula program dari tiga kepada empat tahun dan pelan strategik lima tahun (2004-2008).

Dengan kesedaran bahawa mahasiswa merupakan aset yang penting kepad Universiti, beberapa aktiviti pembangunan akademik telah diadakan. Antaranya ialah:

Taklimat Pelajar Tahun 1 dan Penyampaian Anugerah Dekan Sesi 2002/2003 (13 Jun 2003)

Taklimat Pelajar Tahun 1 dan Majlis Penyampaian Anugerah Dekan Peringkat FKP telah diadakan pada 13 Jun 2003. Seramai 1 orang pelajar tahun 3, 7 orang pelajar tahun 2 dan 1 orang pelajar tahun 1 menerima Anugerah.

Bengkel Penulisan Projek Ilmiah (12 Julai 2003)

Bengkel yang diadakan khusus untuk pelajar tahun tiga ini diadakan bagi memberikan garis panduan penulisan ilmiah yang merupakan sebahagian daripada komponen kursus wajib bagi menyempurnakan ijazah pertama di KUIM.

Bengkel Kecemerlangan Mahasiswa (25-27 Julai 2003)

Bengkel Kecemerlangan Mahasiswa kali ini diadakan di Morib, Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa yang mendapat keputusan PNGS 2.50 ke bawah. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 57 pelajar FKP dari tahun 1-3.

Aktiviti Persidangan fakulti telah dijalankan bagi mempertingkatkan pengetahuan warga fakulti khasnya, dan warga KUIM amnya. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah:

Seminar “Paradigma Dakwah Fanatisme: (11 September 2003)

Seminar ini telah dijalankan dengan jayanya di Hotel Renaissance Kuala Lumpur dengan penyertaan yang

menggalakkan daripada pelbagai pihak. Seminar ini berkisar tentang perkaitan dakwah Islamiyyah dalam menangani isu anatisme dan terrorisme. Antara pembentang kertas dalam seminar ini ialah, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dr. Zainal Azam Abdul Rahman, Y.Bhg. Datuk Dr. Syed Alhabshi, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin dan Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady.

Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam

Siri Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam ini merupakan siri pembentangan kertas yang diadakan sebanyak 6 siri pada setiap tahun. Ia bertujuan menggalakkan pelajar bersikap pro-aktif dalam mengumpulkan input berkenaan dakwah dan pengurusan Islam di samping menggalakkan kaitangan akademik menghasilkan output yang terdiri daripada kertas-kertas pembentangan yang relevan dengan bidang kepakaran masing-masing.

Sepanjang tahun 2003 sebanyak tiga buah buku telah berjaya dihasilkan iaitu Islamic Da'wah in The Age of ICT, Language and Islamic Studies dan Intelektualisme dan Dakwah Masa Kini.

Sebanyak empat aktiviti penyelidikan telah dijalankan pada tahun 2003. Tajuk-tajuk penyelidikan tersebut ialah Peranan Tarekat Tasawwuf Dalam Memulihkan Penagihan Dadah: Satu Kajian di Sungai Ikan, Terengganu; Amalan Khurafat di Pulau Besar, Melaka; Pandangan Ibu Bapa yang menghantar Anak Ke Sekolah Agama Rakyat di Kedah dan Kelantan terhadap Sains dan Teknologi serta Pembentukan Ujian/ Alat Personaliti Dakwah.



Hal-Ehwal Sumber Manusia



Hal Ehwal Sumber Manusia

Pengurusan

Proses pemantapan pengurusan dan pentadbiran KUIM terus dilaksanakan dengan perkembangan bilangan kakitangan Universiti. Jumlah kakitangan KUIM pada tahun 2003 adalah seramai 292 orang, iaitu 109 orang tenaga akademik yang terdiri daripada 8 orang profesor, 5 orang profesor madya, 60 orang pensyarah, 23 orang tutor dan 13 orang guru bahasa serta 192 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada 3 orang kumpulan pengurusan tertinggi, 50 orang kumpulan pengurusan dan profesional dan 133 orang kumpulan sokongan (Jadual 12 dan Jadual 13).

Selaras dengan persetujuan penubuhan Fakulti Sains dan Teknologi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KUIM telah melantik Y.Bhg. Prof. Dr. Jalani Sukaimi yang sebelum ini merupakan Profesor Biologi di

Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi memantapkan program pertama fakulti tersebut iaitu Sarjana Muda Sains (Bioteknologi Makanan) serta program-program yang sedang dirancang. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Dekan pertama fakulti tersebut pada 1 Disember 2003.

Bagi memantapkan lagi urusan akademik, pihak pengurusan KUIM telah bersetuju untuk melantik En. Abd. Hamid Abd. Murad sebagai Timbalan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang pada 1 Disember 2003. En. Abd. Hamid Abd. Murad juga telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang KUIM mulai 1 Jun 2003 menggantikan Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh.

Sesuai dengan penubuhan Institut/Pusat di KUIM, Y.Bhg. Prof. Dr. Abd. Samat Musa yang merupakan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah dilantik sebagai Pemangku Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) mulai 1 Mac 2003. Di samping itu, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah yang merupakan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan telah dilantik sebagai Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) mulai 1 Disember 2003. Manakala, Cik Selvarani a/p P. Kovil Pillai yang merupakan Pensyarah di Unit Pengajian Umum telah dilantik sebagai Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa.

Seramai tujuh (7) orang graduan pertama KUIM telah dilantik untuk menjawat jawatan secara kontrak di KUIM iaitu lima (5) orang sebagai Pegawai Tadbir, N41 dan dua (2) orang sebagai Tutor, DA41.



Jadual 12 : Kedudukan Tenaga Akademik/ Tetap/ Kontrak/ Sementara KUIM Mengikut Fakulti.

Kakitangan Akademik	Peruntukan	FSU	FPQS	FKP	FEM	FST	UPU	UBA	UBI	Jumlah Pengisian	Jumlah Kosong
Profesor	13	1	1	3	2	1	-	-	-	8**	5
Prof Madya	22	-	-	2	1	1	-	-	1	5	17
Pensyarah Kanan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pensyarah	80	19	12	6	6	1	5	7	4	60**	20
Jumlah Kecil	115	20	13	11	9	3	5	7	5	73	42
Tutor	21	3	4	6	6	2	1	1	-	23***	-2
Guru Bahasa	20	-	-	-	-	-	-	8	5	13	7
PPPS (guru)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kecil	41	3	4	6	6	2	1	9	5	36	5
JUMLAH BESAR	156	23	17	17	15	5	6	16	10	109	47

* Termasuk Rektor dan Timbalan-Timbalan Rektor yang memegang jawatan Profesor

** Telah digunakan dengan pengisian jawatan Tutor DA41

*** Telah menggunakan peruntukan 2 jawatan Pensyarah DS45

FSU - Fakulti Syariah dan Undang-undang
 FPQS - Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
 FKP - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
 FEM - Fakulti Ekonomi dan Muamalat

FST - Fakulti Sains dan Teknologi
 UPU - Unit Pengajian Umum
 UBA - Unit Bahasa Arab
 UBI - Unit Bahasa Inggeris

Jadual 13 : Kedudukan Perjawatan Pentadbiran KUIM 2003

Kumpulan Kakitangan	Peruntukan	Jumlah Pengisian	Kekosongan	Catatan
Pengurusan Tertinggi	3	3	-	Jawatan yang belum diisi
Pengurusan dan Profesional	46	50*	-4	<ul style="list-style-type: none"> - 1 Pegawai Tadbir, N48 - 1 Jurutera Mekanikal, J48 (<i>Pinjaman</i>) - 1 Juruukur Bahan, J48 (<i>Pinjaman</i>)
Sokongan	143	133**	10	Jawatan yang belum diisi
				<ul style="list-style-type: none"> - 1 Pembantu Wartawan, S27 - 1 Pembantu Perpustakaan S17 - 2 Pembantu Akauntan, W17 - 1 Pembantu Tadbir (Kesetiausaha), N17 - 3 Pembantu Tadbir (P/O), N17 - 4 Pengawal Keselamatan, KP11
JUMLAH BESAR	192	186	6	

* Termasuk 7 jawatan kontrak (seorang Pegawai Sistem Maklumat, F41, lima orang Pegawai Tadbir, N41 dan seorang Juruaudit)

** Termasuk 7 jawatan kontrak (seorang Pembantu Perpustakaan, S22, seorang Juruteknik Mekanikal, J17, seorang Pembantu Tadbir (P/O), N17, dua orang Penyelia Asrama, N17, seorang Pemandu Kenderaan Bermotor, R3 dan seorang Pembantu Am Rendah, N1)

Jadual 14 : Kedudukan Perjawatan Berdasarkan Status Lantikan

	Tetap	Kontrak	Sementara	Pinjaman	Jumlah Keseluruhan
Pengurusan Tertinggi	-	2	-	1	3
Akademik	54	29	23	-	106
Pengurusan dan Profesional	43	7	-	-	50
Sokongan	126	7	-	-	133
JUMLAH BESAR	223	45	23	1	292

Cuti Belajar Latihan dan Peperiksaan

Sehingga tahun 2003 ini seramai 19 orang calon Universiti telah diluluskan cuti belajar yang mana 11 orang daripadanya memperolehi tajaan hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) daripada Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. Jumlah calon yang melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah seramai 7 orang, manakala selebihnya di dalam negara. Keutamaan bidang pengajian adalah kepada bidang-bidang yang dianggap signifikan dengan pengajian yang ditawarkan di KUIM, antaranya adalah bidang pengurusan dan kepimpinan, pengajian Quran dan sunnah, kewangan Islam, perundangan Islam dan juga di dalam bidang kaunseling.



Pada tahun pertama perlaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) ini seramai 17 orang kakitangan kumpulan pengurusan dan profesional dan 38 kakitangan dari kumpulan sokongan menduduki peperiksaan PTK ini. Manakala seramai 6 orang daripada kumpulan pengurusan mengikuti kursus PTK.

Latihan dan pembangunan Sumber Manusia untuk kakitangan telah diadakan melalui aktiviti dalaman dan luaran. Pelbagai kursus dianjurkan sama ada ada dengan kerjasama bahagian-bahagian lain mahupun menghantar kakitangan KUIM berkursus di luar. Ia bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berdedikasi, cekap, mahir dan bertanggungjawab terhadap bidang tugas masing-masing. Sehubungan itu, penyelarasan dibuat untuk memastikan kakitangan yang dihantar berkursus adalah berdasarkan keperluan bidang tugas kakitangan tersebut khususnya dan keperluan jabatan atau bahagian umumnya. Cabaran yang dihadapi pada



masa kini ialah melahirkan tenaga kerja yang cekik IT iaitu selaras dengan perkembangan teknologi masa kini dalam menempuh era globalisasi. Bagi mencapai matlamat tersebut, latihan telah diadakan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat (IT) bagi semua kumpulan atau peringkat yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan. Bagi mengatasi kekangan dari segi kekurangan kepakaran, kakitangan KUIM turut dihantar

menghadiri kursus-kursus luar yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) dan sebagainya.

Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi organisasi KUIM, Bahagian Latihan telah menghantar 38 permohonan kakitangan KUIM pada sesi 2003 bagi memohon kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing.

1. KURSUS DALAMAN ANJURAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bil	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Lanjutan	KUIM	11 Februari 2003	16 orang
2.	Kursus Induksi P&P	KUIM	1-16 April 2003	-
3.	Program Taaruf Warga Baru KUIM	KUIM	27-28 September 2003	45 orang
4.	Kursus Induksi Khusus & Umum (Kumpulan Sokongan)	KUIM	9-19 September 2003	30 orang
5.	Program Pembentangan Kursus Kali-1	KUIM	13 September 2003	4 orang
6.	Program Pembentangan Kursus Kali-2	KUIM	27 September 2003	4 orang
7.	Program Pembentangan Kursus Kali-3	KUIM	11 Oktober 2003	4 orang

2. KURSUS LUARAN ANJURAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bil	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Bengkel SKT	Hotel Marriot Putrajaya	14 Februari 2003	10 orang

3. KURSUS/LATIHAN YANG DIADAKAN DENGAN KERJASAMA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bil	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Kursus Power Point	KUIM	30 April 2003	8 orang
2.	Kursus MS Word 200- Mailmerge	KUIM	12 Jun 2003	20 orang
3.	Taklimat Penggunaan Perisian MS Outlook	KUIM	26 Julai 2003	20 orang
4.	Kursus MS Excel : Formating & Graf	KUIM	23 Ogos 2003	20 orang

Hal Ehwal Sumber Manusia
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

4. KURSUS ANJURAN BERSAMA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DENGAN JABATAN BENDAHARI

BIL	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Bengkel Tatacara Penerimaan dan Pengurusan Aset & inventori dengan Kerjasama : Bahagian Bendahari	Hotel Flaminggo, Ampang	30 April 2003	34 orang

5. KURSUS ANJURAN INTAN YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN KUIM

BIL	NAMA KURSUS	HARI	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1	Kursus Pengurusan Prestasi	5	INTAN, Kiara	17 - 21 Mac 2003	1 orang
2	Bengkel Pengurusan Intergriti	3	INTAN Jln Elm	28 - 30 April 2003	2 orang
3	Kursus Web Application Using ColdFusion	5	IMATEC, Klara	21 - 25 April 2003	1 orang
4	Kursus Pengurusan Intergriti	3	INTAN Jln Elm	20 - 23 Mei 2003	2 orang
5	Kursus Pengurusan Akaun Amanah	3	INTAN, Kiara	26 - 28 Mei 2003	1 orang
6	Kursus Web Application Using Visual Interdev	5	IMATEC, Kiara	19 - 23 Mei 2003	1 orang
7	Kursus Penyesuaian Akaun dan Kawalan Buku Vot	3	INTAN, Kiara	16 - 18 Jun 2003	1 orang
8	Kursus Kepimpinan Organisasi Pembelajaran	3	INTAN, Kiara	17 - 19 Jun 2003	1 orang
9	Kursus Pengurusan Aset Awam	4	INTAN, Kiara	28 - 31 Julai 2003	2 orang
10	Kursus Penulisan Kertas Cadangan	3	INTAN, Kiara	28 - 30 Julai 2003	1 orang
11	Bengkel Perlaksanaan MS-ISO 9000	3	INTAN, Kiara	6 - 8 Oktober 2003	1 orang

Perkhidmatan

Pada tahun 2003, seramai 91 orang kakitangan telah disahkan dalam jawatan seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 14.

Jadual 15 : Bilangan Kakitangan Yang Telah Disahkan Dalam Jawatan Mengikut Tarikh Mesyuarat

Bil	Tarikh	Jawatan	Bil. Kakitangan yang Disahkan Dalam Jawatan
1	25/05/2003	- Pensyarah - Guru Bahasa - Pengurusan & Profesional - Sokongan II	4 5 3 7
2	11/07/2003	- Sokongan I - Sokongan II	5 39
3	24/07/2003	Pengurusan dan Profesional	17
4	8/10/2003	- Profesor - Pensyarah - Guru Bahasa	1 6 4

Pinjaman Perumahan

Pihak pengurusan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (BPPP) melalui suratnya bil. PP. AM.900.1 Jld 4 bertarikh 23 Ogos 2002 telah bersetuju memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan KUIM. Seramai 5 orang kakitangan KUIM telah diluluskan pinjaman perumahan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (BPPP) pada tahun 2003.

Bahagian Perkhidmatan telah membuat operasi mengemaskinikan kenyataan perkhidmatan kakitangan. Sehingga Disember 2003 sebanyak 80% perkhidmatan kakitangan telah dikemaskinikan. Selain itu, Bahagian Perkhidmatan juga mengemaskini maklumat perkhidmatan kakitangan dalam SISPEN dan lebih kurang 70% yang telah dimasukkan maklumat perkhidmatan kakitangan dalam SISPEN.


Bahagian Perkhidmatan, Sumber Manusia, telah mengadakan taklimat sebanyak 2 kali kepada kakitangan sebelum membuat opsyen kepada Skim Pencen/ Skim KWSP pada tahun 2003. Daripada seramai 96 orang kakitangan yang telah membuat opsyen kepada Skim Pencen/ Skim KWSP, hanya seorang kakitangan sahaja yang membuat opsyen kepada Skim KWSP.

Pada tahun 2003, Jawatankuasa Tatatertib Pengisytiharan Harta (Peringkat Universiti) telah bersidang sebanyak 2 kali. Jawatankuasa telah mengambil maklum mengenai pengisytiharan harta pegawai yang terlibat seramai 80 orang kakitangan pengurusan dan profesional termasuk kakitangan akademik dan 75 orang kakitangan sokongan.

Seramai 90 orang kakitangan telah disahkan dalam jawatan telah memohon untuk menduduki peperiksaan dan kursus PTK seperti berikut:

1. Skim Pentadbiran dan Sokongan (N) seramai 45 orang;
2. Skim Kewangan (W) seramai 9 orang;
3. Skim Kejuruteraan (J) seramai 7 orang;
4. Skim Sistem Maklumat (F) seramai 4 orang;
5. Skim Sosial (S) seramai 7 orang;
6. Skim Pendidikan (D) seramai 13 orang; dan
7. Skim Mahir, Separuh Mahir Dan Tidak mahir (R) seramai 5 orang.

Peperiksaan dan Kursus PTK telah ditumpangkan di universiti-universiti utama yang mengubal sukanan peperiksaan dan kurikulum kursus PTK. Peperiksaan PTK telah bermula pada 14, 22, 23, 29 dan 30 Oktober 2003 bagi Skim Sosial (S) yang ditumpangkan di UiTM. Peperiksaan PTK bagi Skim Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N), Skim Kejuruteraan (J), Skim Sistem Maklumat (F), Skim Pendidikan (DG) dan Skim Kewangan (W) KUIM telah menggunakan soalan dari universiti-universiti utama dan peperiksaan diadakan di KUIM.



Hal-Ehwal Korporat



Hal Ehwal Korporat

Perhubungan Awam

Majlis Penyerahan Cek Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq di Kementerian Pendidikan Malaysia

Majlis penyerahan cek untuk mengisi Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq telah diadakan di Kementerian Pendidikan Malaysia pada 7 Mei 2003. Ybhg Prof. Dato; Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM telah menyampaikan cek berjumlah RM 4,001.40 kepada Menteri Pendidikan Malaysia, YB Tan Sri Musa Mohamed sebagai tanda prihatin warga KUIM terhadap nasib yang menimpa rakyat Iraq.

Sidang Media Khas Sempena Pemasyhuran Tuanku Canselor & Konvokesyen Pertama KUIM di Hotel Istana, Kuala Lumpur

Sidang Media Khas Sempena Istiadat Pemasyhuran Perlantikan Tuanku Canselor dan Konvokesyen Pertama KUIM telah diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 28 Julai 2003. Sidang media khas ini dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor, Pengurus Lembaga Pengarah KUIM yang bertujuan mewar-warkan kepada umum tentang

perlantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan sebagai Canselor Pertama KUIM. Seramai 236 graduan perintis KUIM daripada tiga fakulti telah dianugerahkan Ijazah-ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian oleh DYMM Tuanku Canselor pada Konvokesyen Pertama KUIM pada 9 Ogos di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Perhubungan Korporat

Memorandum Persefahaman (MoU)

Sepanjang tahun 2003, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai organisasi luar ke arah mewujudkan hubungan dua hala yang lebih terarah dan mampu mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Antara MoU yang telah ditandatangani oleh KUIM adalah seperti berikut:

- i) MoU dengan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta telah ditandatangani pada 7 April 2003.





- ii) MoU dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah ditandatangani pada 29 Mei 2003 bertempat di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- iii) MoU dengan KFC Holding (Malaysia) Berhad telah ditandatangani pada 7 Oktober 2003 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur

Memorandum Perjanjian (MoA)

Sepanjang tahun 2003, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Perjanjian (MoA) dengan agensi-agensi luar iaitu:

- i) MoA dengan SIRIM Berhad telah dimetrai pada 20 Jun 2003 bertempat di SIRIM Berhad. Melalui perjanjian ini KUIM telah melantik SIRIM Berhad untuk memberi khidamti latihan dan bimbingan bagi melaksanakan Khidmat Latihan dan Bimbining Program Amalan Kualiti Menyeluruh dalam usaha membantu KUIM membangun dan melaksanakan program peningkatan kualiti berpandukan model amalan kualiti menyeluruh dan seterusnya mencapai pengiktirafan MS ISO 9001: 2000
- ii) MoA bersama Innovation City Sdn. Bhd. (INNOVATION) telah ditandatangani pada 10 September 2003 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15 KUIM. Melalui perjanjian ini KUIM melantik

INNOVATION sebagai pembekal yang akan membina dan membangunkan prototaip Sistem Pengurusan Fatwa dan memberi khidmat latihan mengenai penggunaannya.

Pameran

Expo Education Malaysia Sempena Karnival Amal Jariah Antrabangsa 2003 Bersempena Persidangan OIC ke-X di Bukit Jalil, Kuala Lumpur bermula daripada 16-19 Oktober 2003. Expo Education Malaysia 2003 itu diadakan serentak dengan Karnival Amal Jariah Antarabangsa yang mengandungi komponen pameran dan jualan, konsert amal, forum perdana, pameran khazanah Islam dan lain-lain lagi. Expo ini mendapat penyertaan menggalakkan daripada IPTA dan IPTS.

Pameran mengenai Konvokesyen Kebangsaan Pertama Pendidikan Kejuruteraan: Pendekatan Berorientasikan Profesional di Hotel Marriot, Putrajaya sebagai memberi sokongan kepada IPTA - IPTA lain, KUIM telah menyertai pameran 3 hari bermula 7 Julai dan berakhir 9 Julai 2003 mengenai Konvensyen Kebangsaan Pertama Pendidikan Kejuruteraan : Pendekatan Berorientasikan Profesional di Hotel Marriot, Putrajaya. Konvensyen ini merupakan satu landasan kebangsaan bagi peserta-peserta dari sektor swasta dan badan profesional untuk menggabung idea dan menilai setiap pencapaian, cabaran dan potensi dalam bidang kejuruteraan sejarah dengan perkembangan di peringkat antarabangsa.





Lawatan

Lawatan Menteri Besar Negeri Sembilan bersama Kerajaan Negeri Sembilan ke tapak kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

Menteri Besar Negeri Sembilan Bersama Exco Kerajaan Negeri Sembilan melawat tapak kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 21 Julai 2003. Lawatan ini bertujuan untuk melihat perkembangan fasa pertama projek pembangunan kampus tetap KUIM.

Kunjungan Deligasi dari Departmen Agama Republik Indonesia ke KUIM

Deligasi dari Jabatan Agama Islam Republik Indonesia yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan Pengarah Jabatan Agama Negeri/ Wilayah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke KUIM pada 7 Ogos 2003. YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM telah menyambut sekumpulan 15 orang deligasi dari Republik Indonesia ini.

Kunjungan Deligasi Thailand ke KUIM

Satu deligasi dari Pejabat Majlis Pendidikan Thailand yang diketuai oleh Penasihat Perdana Menteri Thailand, Mr. Krasae Chanawongse telah mengadakan lawatan kerja ke KUIM pada 16 September 2003. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan maklumat mengenai pendidikan tinggi berdasarkan nilai-nilai Islam di Malaysia.

Sekretariat

Sekretariat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa IPTA Malaysia

Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUIM menjadi ahli dalam Sekretariat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa IPTA. Keanggotaan dalam sekretariat ini adalah meliputi semua IPTA di Malaysia termasuk wakil daripada Bahagian Hubungan Antarabangsa Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekretariat ini telah diberi mandat untuk menjalankan usaha-usaha promosi dan peningkatan imej seluruh IPTA secara bersama-sama. Pelbagai usaha telah dirancang untuk dilaksanakan. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2003 ialah:

- Penerbitan Sisipan dalam akhbar New Straits Times.
- Majlis makan malam bersama Menteri Pendidikan dan Editor-editor akhbar.
- Laman web IPTA

Kualiti

Road Map KUIM Ke Arah Pensijilan MS ISO 9001:2000

Pada 20 Mac 2003, perbincangan awal telah diadakan di antara wakil KUIM iaitu Tuan Pendatar dan Y. Bhg. Timbalan Rektor (HEP dan Pembangunan) serta pihak SIRIM Berhad mengenai cadangan KUIM untuk mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000. Hasil daripada perbincangan tersebut KUIM secara

dasarnya telah bersetuju untuk melantik Standards & Quality Industry Service Department (SQIS), SIRIM Berhad sebagai perunding dan penasihat kepada Universiti dalam usaha untuk mencapai sasaran pensijilan MS ISO 9001:2000 pada April 2004 skop Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Lawatan Pra-Penilaian dan Laporan Analisis Gap Pihak SQIS

SIRIM Berhad telah mengadakan lawatan prapenilaian (pre-assessment visit) ke KUIM pada 18 April 2003 bagi mendapatkan makluman awal berkenaan sistem pengurusan yang wujud di KUIM dan mengenalpasti maslah-masalah serta tindakan-tindakan pembetulan yang perlu. Laporan hasil lawatan tersebut atau laporan *analisis gap* telah dikemukakan.

Ceramah Pengurusan Kualiti

Pada 28 Mei 2003, satu sesi ceramah Pengurusan Kualiti telah diadakan. Ceramah yang bertajuk Ke Arah Pensijilan MS ISO 9001:2000: Pengalaman UUM telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof Madya Dr. Zakaria b. Abas, Dekan Sekolah Pembangunan Akademik, Universiti Utara Malaysia, di Bilik Mesyarat Utama KUIM. Ceramah ini disampaikan kepada Ahli Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Produktiviti KUIM yang bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada semua ahli jawatankuasa tentang strategi dan cabaran dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti Universiti.

Kursus Apresiasi, Dokumentasi dan Implementasi

MS ISO 9001:200

Unit Pengurusan Kualiti dengan kerjasama Sirim Berhad telah menganjurkan Kursus Apresiasi, Dokumentasi dan Implementasi MS ISO 9001:200 pada 23, 24 dan 25 Jun 2003, bertempat di BQS 6, Tingkat 11, Menara A, KUIM. Kumpulan sasaran utama kursus selama 3 hari ini adalah semua Ahli Jawatankuasa Petugas Kualiti dan Produktiviti yang telah dilantik mewakili semua peringkat Bahagian/ Jabatan/ Unit dan Fakulti di KUIM. Kursus ini merupakan salah satu modul yang terkandung dalam pakej rundingan yang ditawarkan oleh pihak SIRIM Berhad. Objektif kursus ini adalah untuk memberi panduan dan pendedahan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat mengenai pengurusan kualiti seperti yang digariskan dalam MS ISO 9001:2000 dan pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti Universiti.

Taklimat Kesedaran MS ISO 9001:2000

Satu sesi taklimat Kesedaran MS ISO 9001:2000 telah diadakan kepada semua staf sokongan (kumpulan B dan C) pada 11 Julai 2003 di Bilik BQS 6, Tingkat 11, Menara A, KUIM. Taklimat ringkas ini telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor (HEP dan Pembangunan) KUIM. Sesi taklimat ini adalah bertujuan untuk mewujudkan perasaan tanggungjawab bersama dalam usaha untuk membina landasan yang kukuh bagi mengembangkan budaya kualiti di KUIM.

Sesi Semakan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti

Juruperunding SIRIM Berhad telah mengadakan lawatan dari semasa ke semasa ke KUIM bagi memantau pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti. Pada 19 September 2003, juruperunding SIRIM Berhad telah mengadakan semakan awal Manual Kualiti dan Prosedur-prosedur yang dibangunkan. Sesi semakan dokumen ini melibatkan semua Ahli jawatankuasa Kualiti dan Produktiviti yang bertanggungjawab membangunkan prosedur di peringkat Bahagian/ Jabatan/ Unit/ Fakulti masing-




masing. Sehubungan itu, Bengkel Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti telah diadakan pada 13 dan 14 November 2003 bagi menambahbaik sistem yang telah dibangunkan.



Sambutan Hari Q Peringkat Universiti

Sambutan Hari Q yang julung-julung kali telah diadakan pada 25 Oktober 2003 di DK4, Menara B, KUIM. Sambutan Hari Q ini menjadi agenda tahunan KUIM. Ia telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM dan dihadiri oleh semua warga KUIM. Antara program yang telah dianjurkan sempena sambutan tersebut ialah Pertandingan Pejabat Mithali yang telah dianugerahkan kepada Unit Teknologi Maklumat dan Pertandingan Pidato Q untuk kumpulan A,B dan C. Pengisian sambutan tersebut juga adalah upacara Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dan Dasar Q.



Hal-Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat



Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat

Rangkaian Dan Perkakasan

Dalam tahun 2003, telah dilaksanakan peningkatan kelajuan rangkaian internet dari 128kbps kepada dua MBPS dengan menggunakan perkhidmatan TM Direct yang dibekalkan oleh TM Net Sdn Bhd. Dengan talian ini memberikan laluan yang lebih pantas kepada pengguna untuk mencapai maklumat internet.

Rangkaian kampus juga telah berkembang dengan pembukaan beberapa pejabat baru. Kerja pemasangan rangkaian LAN telah dijalankan sendiri oleh juruteknik komputer sebagai langkah penjimatan.

Keseluruhananya, kini terdapat lebih 500 komputer peribadi (PC) dan 100 pencetak dipasang di seluruh kampus untuk kegunaan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran. Dalam tahun ini sejumlah 40 PC, tujuh Notebook, dua LCD Projektor, sepuluh Pencetak laser, lima Pencetak Dot Matrik, dua Pencetak Transkrip dan lima Pencetak Warna telah diperolehi untuk kegunaan pelbagai jabatan. KUIM juga telah menggunakan teknologi Vio Server bagi membolehkan sebuah PC dikongsi oleh lima pengguna melalui perisian Hydrapak. Pemasangan teknologi ini telah dibuat untuk PC Internet di Perpustakaan dan Makmal Latihan IT di Bahagian Sumber Manusia.

Makmal Bahasa Arab telah dibuka untuk kegunaan pengajaran bahasa Arab. Makmal ini dilengkapi rangkaian LAN dengan 21 PC Multimedia dan Perisian Pengajaran Bahasa Arab.

Universiti juga telah memperolehi Kad Juztreboot untuk mengawal masalah jangkitan virus komputer dalam 100 PC makmal komputer. Dengan adanya kad ini akan dapat mengurangkan masalah penyelenggaraan PC dari serangan virus komputer.

Akibat dari serangan virus komputer pada bulan Sept 2003, *firewall* KUIM telah dipertingkatkan dan sebuah server storan fail diperolehi untuk dijadikan tempat simpanan fail penting Universiti.

Latihan ICT

Bahagian Sumber Manusia dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat telah merangka pelbagai program latihan sepanjang tahun. Antara latihan yang sudah dijalankan adalah

- Bengkel Pembangunan Laman Web,
- Bengkel Microsoft Word,
- Bengkel Excel,
- Bengkel Power Point,
- Bengkel Penggunaan Alat Bantu Mengajar dan
- Taklimat Antivirus.

Selain itu, beberapa Bengkel Latihan Teknikal untuk staf Unit Teknologi Maklumat telah dijalankan. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal staf. Antara bengkel yang telah dijalankan ialah:

- Bengkel Pengurusan LAN
- Bengkel Wireless LAN
- Bengkel Pengurusan Desktop
- Bengkel Open Source Software: Red Hat Linux
- Bengkel Oracle Form And Report Builder

Projek Kemahiran ICT 2003

Lanjutan kepada penganjuran Projek Kemahiran ICT Tahun 2002, ia diteruskan pada tahun 2003. Beberapa kelemahan yang telah diperbaiki dengan memperkenalkan format baru bengkel. Projek yang dijalankan dengan kerjasama antara Unit Teknologi

Maklumat dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, diwajibkan penyertaannya kepada semua pelajar tahun akhir. Terdapat empat modul yang ditawarkan pada sesi 2003/ 2004 iaitu :

- Kemahiran Pengurusan Fail
- Kemahiran Pembangunan Laman Web
- Kemahiran Penggunaan Excel
- Kemahiran Penyediaan Multimedia

Tempoh projek dipendekkan kepada satu semester sahaja berbanding dua semester pada siri yang lalu.



Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP)

Sistem SMPP terus diubahsuai mengikut keperluan semasa pentadbiran Universiti. Terdapat dua proses kerja yang dinyahpusatkan. Pada tahun 2003, Modul Pendaftaran Kursus dilakukan secara online oleh Fakulti masing-masing. Begitu juga dengan Modul Peperiksaan, proses pengisian gred keputusan peperiksaan dilakukan oleh pensyarah.

Modul Pengajian Pelajar Siswazah (PPS) diperkemaskan lagi bagi membantu proses pemilihan dan penawaran pelajar PPS. Proses kemaskini data pemohon dan pelajar sedang dilakukan oleh Pusat Pengajian Umum.

KUIM juga telah menggunakan Sistem Tracer Study yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk menyediakan maklumbalas dari graduan sulung KUIM. Melalui sistem ini graduan telah memberikan maklum balas melalui borang kajiselidik dan data-data dipindahkan ke dalam sistem tersebut. Laporan-laporan dijana oleh Universiti menggunakan perisian Excel.

Sistem Maklumat Hal Ehwal Pelajar (SMHEP)

Pasukan Projek Sistem Maklumat HEP telah ditubuhkan untuk mengiktiraf kepentingan sistem SMHEP dalam pengurusan Universiti. Salah satu komponen yang diperkemaskini ialah Modul Aktiviti Pelajar. Melalui modul ini HEP dapat mengumpul rekod aktiviti setiap pelajar untuk disahkan bagi tujuan penyediaan Testimonial HEP untuk setiap graduan KUIM.

Modul Penginapan Asrama dan Modul Akaun Pelajar yang sedia ada diperkemaskini bagi melicinkan proses pendaftaran penginapan asrama dan proses penyediaan maklumat akaun pelajar untuk tujuan pembayaran baki wang pinjaman PTPTN dan penaja yang lain.

Proses Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar yang diadakan pada 3 September 2003 lalu, telah dijalankan dengan bantuan Sistem Pendaftaran Pengundi dan Sistem E-Undi bagi melicinkan proses Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Perkhidmatan Pengguna

Laman Web Rasmi Universiti diperkemaskini dengan perlantikan ahli Jawatankuasa Laman Web dan Sidang Redaksi yang baru. Beberapa usaha dijalankan untuk mempelbagaikan format dan maklumat yang disampaikan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Laman e-Buletin telah dibangunkan menggunakan asas perisian sumber terbuka (open source software). Melalui sistem ini, kakitangan dan pelajar dapat berkongsi bahan berita kampus secara online. Sistem yang masih dalam tempoh percubaan ini, suatu ketika nanti akan dikendalikan oleh beberapa individu yang mewakili jabatan/ bahagian/ unit masing-masing dalam penyaluran bahan berita.

Laman e-Borang disediakan bagi memudahkan kakitangan untuk memperolehi borang secara online. Sistem ini boleh dicapai melalui laman web rasmi Universiti. Antara koleksi awal borang adalah Borang-borang Aktiviti Persidangan daripada Bahagian Akademik.

Terdapat dua makmal komputer dengan kapasiti 50 pengguna bagi setiap makmal. Waktu operasi makmal komputer adalah daripada jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam. Selain waktu kelas, pelajar boleh menggunakan kemudahan makmal ini untuk pelbagai tujuan. Pelajar dipantau daripada semasa ke semasa bagi memastikan mereka mengikuti peraturan penggunaan makmal yang telah ditetapkan.

Makmal Bahasa mula digunakan secara aktif mulai semester 1 sesi 2003/2004. Makmal digunakan untuk pembelajaran bahasa Inggeris melalui perisian *Tell Me More*. Setiap pelajar mempunyai akaun sendiri dan perlu memasukkan kata laluan untuk menggunakan perisian ini. Satu lagi makmal bahasa yang khusus untuk pengajaran bahasa Arab telah dibuka pada November 2003 dengan kapsiti 20 komputer peribadi (PC). Dengan adanya makmal bahasa Arab ini telah dapat membolehkan pelajar mengikuti pengajaran dalam makmal berkenaan.

Pembangunan Aplikasi

Pembangunan aplikasi terus mendapat perhatian pihak pengurusan Universiti. Pasukan Aplikasi Pentadbiran yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan yang melibatkan aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan

Staf (SMPS) dan Sistem Kewangan Universiti (SKU) manakala Pasukan Aplikasi Pelajar ditugaskan untuk memberi perkhidmatan yang melibatkan aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) dan Sistem Maklumat Hal Ehwal Pelajar (SMHEP).

Sistem Maklumat Pengurusan Staf (SMPS)

SISPEN diperkemaskan penggunaannya dengan memastikan maklumat-maklumat kakitangan dikemaskini daripada semasa ke semasa. Maklumat ini penting dalam membantu Bahagian Sumber Manusia menyediakan maklumat perkhidmatan yang diperlukan untuk tujuan persaraan.

Sistem Maklumat Induksi (Semai) dibina untuk membantu urusetia Latihan Induksi dalam kerja penyediaan laporan penilaian peserta induksi. Dengan sistem ini dapat mengurangkan kesilapan dan mempermudah proses penyediaan laporan penilaian.

Integrated Recruitment Information System (IRIS) yang telah diguna untuk proses pengambilan kakitangan tahun 2002 dikemaskini bagi membantu proses pengambilan kakitangan baru di KUIM. Sistem ini diubahsuai bagi membolehkan urusetia menyediakan senarai permohonan yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan. Sistem ini juga akan disokong dengan perkhidmatan SMS dalam memberi maklumbalas mengenai status permohonan daripada semasa ke semasa. Perkhidmatan SMS juga akan digunakan sebagai salah satu kaedah untuk memaklumkan tarikh temuduga.

Sistem Maklumat Cuti Belajar (SIMCUBE) sedang dibangunkan bagi merekodkan maklumat kakitangan akademik yang sedang dalam cuti belajar. Diharapkan sistem ini akan membantu urusetia Jawatankuasa Cuti Belajar untuk menguruskan permohonan dan memantau laporan kemajuan kakitangan yang berkenaan.

Sistem Kewangan Universiti (SKU)

Sistem Kewangan Universiti masih lagi menggunakan tiga komponen utama sistem iaitu Sistem UBS Accounting, UBS Payroll dan UBS Stock Control bagi tujuan merekodkan maklumat kewangan Universiti oleh Jabatan Bendahari. KUIM telah mula menggunakan perkhidmatan E-Bankers yang disediakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad untuk melicinkan lagi proses pembayaran gaji kakitangan dan pemindahan wang.

Project Monitoring System (PMSII) telah mula digunakan oleh Jabatan Bendahari dan Unit Pembangunan KUIM untuk melaporkan kemajuan projek pembangunan.

Perkhidmatan Multimedia semakin giat dijalankan pada tahun 2003 dengan menggunakan kemudahan sebuah komputer PowerMac G4 dengan perisian FinalCut Pro untuk majlis rasmi Universiti. Antara bahan multimedia yang telah disediakan ialah:

- Gimik Perasmian Konvensyen Mahasiswa Syariah Kebangsaan 2003
- Gimik Perasmian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003 dan Pelancaran Piagam KUIM
- Majlis Anugerah Dekan FSK Semester 1 Sesi 2002/2003
- Gimik Majlis Penutup Projek kemahiran ICT 2002
- Gimik Pelancaran Gymnasium KUIM
- Gimik Perasmian Majlis Warashah Taqwiyah FEM
- Gimik Perasmian Majlis Pelancaran Buku KUIM 2003
- Gimik Seminar Pencarian Ceruk HEP
- Hari Pendaftaran Pelajar sesi 2003/2004 (Video-Prospektus KUIM)

- Gimik Perasmian Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)
 - Gimik Perasmian Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KUIM dengan UPM, UIAM, dan UUM
 - Sembah Taklimat KUIM ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor
 - Klip Video Sambutan Diamond Jubilee DYMM Tuanku Canselor
 - Slaid Tertib Aturcara dan Ucapan Majlis Konvokesyen Pertama KUIM
 - Gimik Perasmian Seminar Paradigma Dakwah dan Fanatisme
 - Gimik Perasmian Siri Wacana INFAD 1
 - Gimik Majlis Perjanjian MOU antara KFC Holdings Berhad dan KUIM
 - Gimik Perasmian Seminar Hasil Penyelidikan KUIM
 - Gimik Seminar Kesepaduan Pembangunan dan Penghayatan Islam
 - Gimik Pertandingan Pejabat Tercantik Sempena Sambutan Hari Q
- Perkhidmatan SMS telah mula diperkenalkan mulai 10 Mac 2003 melalui perjanjian dengan Syarikat QuickNET Sdn Bhd. Para pelajar dan kakitangan boleh mengetahui beberapa maklumat menggunakan telefon bimbit masing-masing. Antara perkhidmatan SMS yang ditawarkan ialah :
- Semakan Keputusan Peperiksaan (KUIM EX),
 - Semakan Baki Hutang (KUIM AC),
 - Semakan Permohonan Asrama (KUIM RES),
 - Maklumat Umum Universiti (KUIM INFO),
 - Berita Semasa (KUIM NEWS)
 - Direktori Telefon KUIM (KUIM DIR)

Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat

Laporan Tahunan 2003

KUIM

Untuk memastikan kerahsiaan maklumat, setiap pelajar menggunakan nombor pendaftaran dan katalaluan khas untuk mendapatkan perkhidmatan SMS tertentu seperti KUIM AC, KUIM EX.

Sepanjang tahun 2003, usaha telah dibuat untuk mendapatkan kelulusan Projek ICT Kampus Tetap daripada pihak MAMPU. Kertas Kerja Permohonan Projek ICT telah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi dan MAMPU untuk mendapatkan kelulusan bajet. MAMPU telah meluluskan permohonan projek ICT KUIM untuk tahun 2003-2005 sejumlah RM51juta. Fasa 1 Perlaksanaan Projek ICT Kampus Tetap dijangka akan menggunakan peruntukan sejumlah RM15juta ringgit. Antara komponen penting dalam projek tersebut ialah

- Rangkaian Kampus Gigabit
- Sistem Keselamatan Kampus
- Sistem Kad Pintar Hibrid
- Sistem Maklumat Universiti
- Sistem Maklumat Pengurusan
- Sistem Maklumat Staf
- Sistem Maklumat kewangan
- Sistem Maklumat Akademik
- Sistem Maklumat HEP
- Sistem Maklumat Penyelidikan
- Sistem Pengurusan Aset
- Sistem Pengurusan Ruang
- Sistem Perpustakaan
- Sistem Pengurusan Fasiliti
- Sistem E-pembelajaran
- Perolehan Perkakasan Pembelajaran
- Perolehan Server dan Storan
- Perolehan PC dan Alat Pejabat





Hal-Ehwal Pengurusan Perpustakaan



Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan

P erkembangan pesat KUIM selama 3 tahun memberi kesan yang begitu ketara ke atas koleksi perpustakaan. Penubuhan beberapa fakulti dan program pengajian memberi cabaran kepada perpustakaan untuk memantapkan lagi koleksinya, disamping mengekalkan perolehan bahan bagi menampung aktiviti pengajaran dan penyelidikan yang sedia ada.

Seramai lima orang kakitangan profesional dalam bidang perpustakaan memainkan peranan yang penting dalam proses mengukuhkan koleksi dan memberikan perkhidmatan perpustakaan. Kakitangan profesional ini dibantu oleh 12 orang kakitangan sokongan dalam menjalankan tugas harian. Seramai 17 orang kakitangan perpustakaan bertungkus lumus untuk memberi perkhidmatan yang terbaik bagi memuaskan keperluan pelanggan terutamanya kepada pelajar, pensyarah dan penyelidik KUIM.

Pentadbiran Perpustakaan

Pengemaskinian pentadbiran perpustakaan telah dibuat pada bulan April 2003 di mana pentadbiran perpustakaan telah dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu :-

1. Bahagian Teknikal yang terdiri daripada:-

- Unit Perolehan
- Unit Katalog
- Unit Terbitan Bersiri
- Unit Multimedia

2. Bahagian Perkhidmatan Pengguna terdiri daripada
 - Unit Sirkulasi
 - Unit Rujukan

Perolehan Koleksi Perpustakaan

Perolehan koleksi bahan perpustakaan terdiri daripada pelbagai format seperti buku, bahan bersiri, CD-ROM, audio video, kit dan sumber elektronik. Sepanjang tahun 2003, sebanyak 3807 judul buku telah diperolehi dengan melibatkan kos pembelian sebanyak RM 594,105.39.

Perolehan koleksi bahan bersiri yang meliputi langganan baru, langganan sumber elektronik, pembaharuan langganan, dan pembelian bahan terbitan bersiri kebelakangan pada tahun 2003 telah melibatkan kos sebanyak RM 180,532.01. Pada masa kini, koleksi bahan bersiri perpustakaan telah mencapai sebanyak 194 judul yang meliputi judul bahan dalam dan luar negara.

Perpustakaan juga sedang berusaha untuk mengukuhkan koleksi multimedia Perpustakaan yang terdiri daripada CD-ROM, VCD, pita kaset, pita video dan kit. Pada tahun 2003, sebanyak 35 judul bahan telah diperolehi dengan melibatkan kos pembelian sebanyak RM 20,082.98. Selain itu, sepanjang tahun 2003, Perpustakaan juga telah menerima bahan-bahan dalam bentuk hadiah dan sumbangan iaitu sebanyak 561 judul bahan.

Jadual 16 : Statistik Perolehan Bahan Perpustakaan Sepanjang Tahun 2003

Bahan	Jumlah Kos	Jumlah Judul
Buku	RM 594,105.39	3807
Bahan Bersiri	RM 180,532.01	107
Bahan Multimedia	RM 20,082.98	35
JUMLAH KESELURUHAN	RM 794,720.38	3949

Perolehan koleksi perpustakaan yang banyak tetapi jika tidak diuruskan dengan betul akan menyukarkan pengguna untuk mendapatkan maklumat. Untuk tujuan tersebut koleksi perpustakaan telah dibahagikan kepada beberapa koleksi, iaitu:

- koleksi am
- koleksi undang-undang
- koleksi tanda merah
- koleksi bahan bersiri
- koleksi rujukan
- koleksi kamus
- koleksi suratkhabar
- koleksi multimedia
- koleksi penyelidikan
- koleksi tesis
- koleksi Q
- koleksi Malaysiana

Pada tahun 2003 sebanyak 3171 judul buku telah siap dikatalog. Sehingga akhir 2003, koleksi perpustakaan telah mencecah angka 9669 jumlah judul yang telah dikatalog.

Perkhidmatan Perpustakaan

Beberapa perkhidmatan baru telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi pengguna perpustakaan. Perpustakaan juga telah melantik kakitangan profesional sebagai pegawai penghubung fakulti di mana tugas pegawai tersebut ialah memperolehi maklumat keperluan pengguna terutama daripada warga fakulti yang menjadi pengguna terbesar perpustakaan.

Sepanjang tahun 2003, seramai 63,852 pengguna telah menggunakan kemudahan perpustakaan dan sebanyak 25,243 judul buku telah dipinjam dan purata warga KUIM membaca ialah 10 buah buku setahun, berbanding 7 buah buku pada tahun 2002.

Jadual 17 : Statistik Pengguna dan Pinjaman Buku

Bulan	Pengguna Masuk	Pinjaman
Januari	5517	1803
Februari	3316	536
Mac	558	106
April	514	206
Mei	598	114
Jun	5731	2107
Julai	11218	5563
Ogos	11889	6926
September	7852	4583
Oktober	1614	847
November	3715	285
Disember	11330	2167
JUMLAH	63,852	25,243

Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan

Laporan Tahunan 2003
KUIM

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) atau Inter Library Loan merupakan satu aktiviti petunjuk kemantapan koleksi perpustakaan. Sebanyak 54 judul bahan telah dipinjam melalui perkhidmatan PAP ini. Jumlah yang kecil mungkin disebabkan pengguna

perpustakaan tidak mengetahui perkhidmatan ini atau mungkin bilangan pengguna yang dibenarkan untuk membuat PAP terlalu kecil iaitu hanya 200 orang yang layak mendapat perkhidmatan PAP yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik.

Statistik Pinjaman Antara Perpustakaan



Perpustakaan KUIM juga menyediakan perkhidmatan rujukan ke perpustakaan lain, terutamanya di sekitar Lembah Klang seperti perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain. Perpustakaan Universiti

Malaya menerima kunjungan pengguna perpustakaan KUIM seramai 550, dan sebanyak 1540 pengguna perpustakaan KUIM merujuk ke perpustakaan lain di Malaysia pada tahun 2003.

Statistik Rujukan Ke Perpustakaan Lain



Pihak Perpustakaan juga telah mengadakan program pencarian maklumat iaitu Pendidikan Pengguna (User Education) untuk memberi kesedaran maklumat kepada para pengguna mengenai perkhidmatan Pangkalan Data Atas Talian yang ditawarkan di perpustakaan. Program-program tersebut ialah NSTP E-Media, Ebscohost, ProQuest, Index Islamicus,


Pencarian Melalui OPAC, Pencarian Maklumat Melalui Internet dan Lawnet. Lawnet merupakan satu pangkalan data atas talian yang baru dilanggar oleh Perpustakaan pada tahun 2003. Pihak Perpustakaan juga tidak ketinggalan mengadakan pelbagai pameran mengenai sesuatu perkara bagi memberi kesedaran kepada para pengguna tentang perkara tersebut.

Aktiviti Perpustakaan Tahun 2003

Tarikh	Aktiviti
2 - 4 Mei 2003	Bengkel Pengukuhan Proses Kerja - bertempat di Hotel Seri Costa dan dianjurkan oleh Perpustakaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.
1 - 30 Jun 2003	Pameran "Peperangan" - diadakan di ruang legar Perpustakaan.
2 Julai 2003	Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Membaca Julai 2003 - dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Rektor KUIM.
1 - 10 Julai 2003	Pertandingan Pencarian Maklumat - disertai oleh 110 orang pelajar.
12 Julai 2003	Pertandingan Tulisan Khat - disertai oleh 9 orang pelajar.
26 Julai 2003	Bengkel Speed Reading - disertai oleh 50 peserta yang terdiri daripada para pelajar dan kakitangan KUIM. Ceramah disampaikan oleh Puan Laila Hassan daripada Universiti Putra Malaysia.
1 - 30 Julai 2003	Pameran "Budaya Membaca" - diadakan di ruang legar Perpustakaan.
23 Ogos 2003	Majlis Penutup Sambutan Bulan Membaca Julai 2003 - dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
1 - 30 November 2003	Pameran "Sahabat Rasulullah" - diadakan di ruang legar perpustakaan.



Kemudahan Am



Kemudahan Am

Bagi memastikan urusan harian pelajar dan kakitangan berjalan lancar, beberapa buah kenderaan telah ditambah pada tahun 2003. Ini menjadikan bilangan keseluruhan kenderaan Universiti sebanyak 22 buah kesemuanya yang merangkumi 2 buah Mitsubishi Pajero, 2 buah van, sebuah lori kecil, 3 buah bas, 3 buah motosikal, 9 buah kereta Proton Perdana V6 dan 2 buah kereta Proton Wira.

Selain itu, KUIM turut prihatin dengan pengangkutan para pelajar. Ini dapat dilihat apabila pihak Unit Kenderaan telah menyewa sebanyak lima buah bas sewa selain daripada bas KUIM untuk memudahkan para pelajar berulang-alik dari asrama ke dewan kuliah. Perkhidmatan pengangkutan ini dijalankan dari pukul 6.30 pagi hingga 11.00 malam pada setiap hari.

Penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira pendapat dan cadangan pengguna dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan terbaik bagi seluruh warga KUIM.

Sehingga Disember 2003, KUIM telah melantik 30 buah klinik panel untuk kemudahan kakitangan dan pelajar. Perlantikan klinik panel adalah di sekitar Lembah Klang dan yang berhampiran asrama pelajar.

Kampus Sementara

Pertambahan pelajar pada sesi 2003/ 2004 menyebabkan penginapan pelajar yang sedia ada di Riveira II dan III tidak mencukupi. KUIM telah menyewa apartment tambahan di Sri Penara Bandar Tun Razak untuk menempatkan pelajar. Sebanyak 50 buah apartment telah disewa untuk menempatkan 315 orang pelajar KUIM termasuklah pejabat pengurusan, pengetua dan felo. Sri Penara di pilih kerana mempunyai kemudahan asas diantaranya klinik swasta, kedai-kedai makan, dewan orang ramai dan lain-lain kemudahan yang boleh digunakan untuk

kegiatan aktiviti pelajar KUIM.

Pertambahan unit-unit baru dan kakitangan baru menyebabkan keperluan ruang pejabat semakin kritikal. Oleh itu beberapa kerja ubahsuai dan penyusunan semula telah dibuat bagi memenuhi kehendak tersebut. Selaras dengan pertambahan pelajar dan perkembangan KUIM kearah sebuah Universiti terkehadapan, Institut Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah ditubuhkan dan ditempatkan di Lot 08 & Lot 09 di tingkat 10 Menara A, Persiaran MPAJ.

Bagi memudahkan pelajar berhubung terus dengan Bahagian Akademik. Pihak Pengurusan Universiti bersetuju untuk memindahkan Pejabat Pentadbiran Bahagian Akademik dari tingkat 15 ke tingkat 12 di Lot 03 dan Lot 06. Lot Pejabat Akademik di tingkat 15 diambil alih oleh Bahagian Sumber Manusia manakala Lot 16 diambil alih oleh Bahagian Perhubungan Awam, Unit Pengurusan Kualiti dan Uit Pengurusan Korporat & Perancangan Antarabangsa.

Untuk memenuhi keperluan mengadakan majlis rasmi ataupun tidak rasmi, Unit Pembangunan telah membeli kelengkapan sistem siaraya mudahalih yang baru berkualiti tinggi dan boleh digunakan untuk majlis yang besar seperti Majlis Konvoikesyen KUIM, seminar-seminar yang diadakan di tempat yang berhampiran dengan KUIM. Tidak ketinggalan juga majlis-majlis yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar KUIM.

Kampus Tetap

Pada Mac 2003, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan semua IPTA termasuk KUIM untuk menangguhkan pengeluaran 'Letter of Award' (LoA) dan menumpukan pembinaan hanya kepada bangunan-bangunan yang penting sahaja yang membolehkan KUIM berpindah ke Kampus Tetap. Bangunan-bangunan yang kurang penting diarah untuk

ditanggalkan pembinaannya ke RMK 9. Ini adalah akibat daripada masalah siling peruntukan semua projek IPTA yang masih belum diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Lanjutan daripada masalah tersebut keputusan rundingan harga bagi pakej 1B (infrastruktur), Pakej 2- Zon (1) (Zon Pentadbiran), Pakej 3- Zon 2 (Akademik) dan Pakej 4- Zon 3 (Kolej Kediaman) telah ditangguhkan oleh Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan. Oleh itu LoA tidak dapat dikeluarkan kepada kontraktor, akibatnya bayaran kemajuan hanya boleh di buat setakat 50% sahaja. Kemajuan kerja kontraktor telah terjejas dan kontraktor tidak mampu meneruskan kerja pembinaan. Kerja-kerja pembinaan hampir terhenti sepenuhnya mulai September 2003.

Kemajuan Kerja Pembinaan

Kemajuan keseluruhan sehingga 13 Oktober 2003 ialah 36.73% sahaja berbanding jadual 68.18% ketinggalan 31.45% atau 145 hari.

Pakej 1A- (Enabling Works & Earthworks). Kemajuan fizikal sebenar sehingga 13 Oktober 2003 adalah 100%

Pakej 1 B – (Inrastruktur). Kemajuan kerja fizikal sebenar bagi Pakej ini adalah 21.3% berbanding

kemajuan sepatutnya mengikut jadual 77.2% bersamaan dengan -55.9% kelewatan selama 122 hari.

Pakej 2- Zon 1 – (Zon Pentadbiran). Kemajuan fizikal sebenar bagi Pakej ini adalah 15.6% berbanding kemajuan sepatutnya mengikut jadual 37.6% bersamaan dengan -22% kelewatan selama 100 hari.

Pakej 3 – Zon 2 – (Zon Akademik). Kemajuan fizikal sebenar bagi Pakej ini adalah 23% berbanding kemajuan sepatutnya mengikut jadual 64.2% bersamaan dengan -41.2%kelewatan selama 145 hari.

Kemajuan Pakej 4 – Zon 3 – (Zon Kolej Kediaman). Kemajuan fizikal sebenar bagi Pakej ini adalah 30.6% berbanding kemajuan sepatutnya mengikut jadual 60.89% bersamaan dengan -30.29% kelewatan selama 80 hari.

Memandangkan siling peruntukan telah dikurangkan (siling sebenar masih belum diluluskan), hanya bangunan-bangunan utama sahaja akan dibina dan yang lainnya seperti yang dirancang dalam Fasa 1 terpaksa ditangguhkan ke RMK 9. Oleh itu, bagi jabatan-jabatan/ unit yang tiada bangunan sendiri terpaksa menumpang di bangunan lain yang dibina atau di bangunan sementara.



Kemudahan Am
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

No	Bangunan Asal yang Telah Diluluskan EPU	Luas Lantai (m.p) Diluluskan EPU	Luas Lantai (m.p) (ATDA)	Diutamakan (MP)	Ditangguhkan (MP)
PAKEJ 1B INFRASTRUKTUR					
	Bangunan Utiliti berpusat	1,240	1,240	1,240	
PAKEJ 2 – ZON 1					
1.	Bangunan Pentadbiran dan Parking basement	12,529.00	13,831.00	13,831.00	
2.	Bangunan Perpustakaan	10,000.00	10,514.00	10,514.00	
3.	Hal Ehwal Pelajar dan Kesihatan	5,132.00	4,946.00	4,946.00	
4.	Pusat Teknologi Maklumat	3,104.00	3,425.00	3,425.00	
5.	Masjid/Pusat Islam	7,576.00	7,729.00	7,729.00	
	Jumlah	38,341.00	40,445.00	17,256.00	23,189.00
PAKEJ 3 – ZON 2					
6.	Fakulti dakwah & Pengurusan Islam	12,950.00	13,662.00	13,662.00	
7.	Fakulti Syariah & Kehakiman	12,661.00	14,084.00	14,084.00	
8.	4 Dewan Kuliah Pusat	2,772.00	2,887.00	2,887.00	
9.	Dataran Selera	1,334.00	1,786.00	1,786.00	
10.	Pusat Komersial	3811.00	3871.00	3871.00	
11.	Rumah Universiti	839.00	1006.00	1006.00	
	Jumlah	34,367.00	37,296.00	30,633.00	6,663.00

Pelan Perancangan Perpindahan Dari Kampus Sementara Ke Kampus Tetap.

Bahagian-bahagian Yang Akan Menumpang

Unit Pembangunan sedang membuat kajian keperluan bagi bahagian-bahagian yang tidak mempunyai bangunan kekal (kerana pembinaannya ditangguhkan) dan terpaksa menumpang sementara waktu di Kampus Tetap. Ruang yang diperlukan juga perlu mengambil kira unjuran pertambahan staf dan pelajar dan penubuhan

fakulti-fakulti baru. Bangunan sementara juga bertujuan untuk menempatkan Perpustakaan.

Pelan Perpindahan Sekiranya Kampus Tidak Siap Pada April 2004.

Berdasarkan pencapaian kemajuan fizikal setakat ini akibat tertangguhnya pengeluaran LoA, adalah dijangkakan projek KUIM tidak dapat disiapkan pada April 2004. Perpindahan dijangka hanya dapat dibuat pada cuti semester pertama sesi 2004/2005 iaitu September 2004 dengan andaian LoA boleh dikeluarkan

pada November 2003. Oleh hal yang demikian langkah-langkah awal perlu dibuat terutama menyediakan bajet yang mencukupi untuk menyewa ruangan tambahan bagi Kampus Sementara dan juga Asrama Pelajar. Perkara ini telah diambil kira dalam permohonan bajet belanja mengurus 2004 kepada Agensi Pusat.

Pembangunan Kampus Secara Penswastaan

Kolej Universiti Islam Malaysi (KUIM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan Seminar Perlaksanaan projek Pembangunan IPTA-IPTA. Disamping itu, pembentangan kajian kes (case study) oleh IPTA-IPTA, agensi swasta dan agensi kerajaan yang berpengalaman melaksanakan projek secara penswastaan turut dijemput membentangkan pengalaman mereka. Ini dapat membantu IPTA-IPTA yang baru terutamanya kolej-universiti. Walaupun peruntukan kerajaan Pusat terhad, beberapa langkah positif dapat diambil oleh IPTA-IPTA dengan cara perkongsian pintar dengan pihak swasta yang berminat.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar tersebut adalah seperti berikut;

a) Unit Perancang Ekonomi

Dasar Kerajaan dalam melaksanakan projek secara penswastaan

b) Kolej Universiti Islam Malaysia

Perancangan Pembangunan Kolej Universiti; skop minima pembangunan Fasa Pertama dan masalah-masalah yang dihadapi akibat penangguhan pengeluaran LoA- " Cabaran & Peluang"

c) Universiti Kebangsaan Malaysia

Pelaksanaan Projek Asrama Pelajar Secara Bina, Kendali dan Pindah (Built, Operate and Transfer) di Universiti kebangsaan Malaysia. Pengalaman UKM dan isu-isu pelaksanaan projek BLT

- d) Jabatan Kerja Raya
Pengalaman dan isu-isu pelaksanaan projek BLT
- e) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Pengalaman UIAM melaksanakan projek Kolej Matrikulasi Janda Baik secara BLT
- f) Pricewaterhouse Coopers
Pengalaman dan isu-isu pelaksanaan projek BLT

Hasil dari pembentangan kertas kerja, kajian kes dan bengkel, urusetia merumuskan perakuan bahawa perlaksanaan projek secara penswastaan wajar dilaksanakan bagi mencapai objektif pembangunan kemudahan fizikal IPTA, dengan panduan seperti berikut;

- i) Komponen yang boleh dilaksanakan secara BOT: kolej kediaman, dewan besar, dewan serbaguna, kompleks sukan dan sistem penghawa dingin berpusat (CCS). Komponen ini boleh menjana pendapatan.
- ii) Komponen yang boleh dilaksanakan secara BLT: Bangunan-bangunan Pejabat Pentadbiran dan Bangunan-bangunan Akademik
- iii) Syarat perjanjian perlu diteliti dan disemak oleh individu yang mahir dan berpengalaman sema ada dari segi perundangan, teknikal dan kewangan.
- iv) Proses pemilihan konsesioner hendaklah dibuat secara telus dan tender terbuka bagi memastikan pemilihan konsesioner berwibawa.
- v) Kadar caj bagi projek BOT harus bersesuaian dan kompetitif bagi menggalakkan penyewaan daripada pengguna luar.
- vi) Kemudahan-kemudahan yang disediakan haruslah lebih baik dan menarik untuk projek BOT. Mutu kemasan harus tinggi dari norma piawaian EPU untuk menarik pelanggan luar dan seterusnya boleh menjana pendapatan.



Laporan Kewangan Belum Diaudit


Laporan Kewangan Belum Diaudit

Perbelanjaan Mengurus

KUIM telah diberi peruntukan di bawah Belanja Mengurus untuk tahun 2003 sebanyak RM17,961,500 mengikut pecahan seperti berikut:

- | | |
|--------------------------|--------------|
| 1. Peruntukan Sedia Ada | RM14,426,000 |
| 2. Peruntukan Dasar Baru | RM1,919,300 |
| 3. Peruntukan One-Off | RM1,616,200 |

Peruntukan Mengurus Tahun 2003 dan 2002




Pendapatan Mengurus yang diterima pada tahun 2003 bertambah sebanyak RM1,173,600 (6.99%) berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2002. Pecahan Peruntukan Dasar Sedia Ada yang diterima pada tahun 2003 bertambah sebanyak RM5,447,400 (60.67%), Peruntukan Dasar Baru pada tahun 2003 berkurang sebanyak RM4,580,700 dan Peruntukan Dasar One-Off bertambah sebanyak

RM306,900 (23.44%) berbanding dengan pecahan peruntukan yang diterima pada tahun 2002. Pendapatan Mengurus KUIM daripada peruntukan Kerajaan pada tahun 2003 adalah sebanyak 81.02% berbanding dengan 77.85% pada tahun 2002, manakala daripada pendapatan punca-punca lain universiti adalah sebanyak 22.88% berbanding dengan 24.48% pada tahun 2002.


Perbelanjaan Sebenar Berbanding Dengan Peruntukan Mengurus Diterima Tahun 2003

	Peruntukan	Penggunaan	% Guna Keseluruhan
Emolumen	7,457,345	7,447,472	99.87
Perkhidmatan & Bekalan	8,143,655	9,263,822	113.76
Aset	1,616,200	1,968,085	121.77
Pemberian, Bayaran & Perbelanjaan Lain	744,300	530,941	71.33
JUMLAH	17,961,500	19,210,320	106.95

Perbelanjaan Utama Universiti Bagi Tahun 2002 dan 2003



Pendapatan Universiti Tahun 2002 Dan 2003



Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2003



Penyata oleh Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia

Kami **TAN SRI DR. MOHD. YUSOF NOOR** dan **PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti **Kolej Universiti Islam Malaysia** dengan ini menyatakan, bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, bahawa pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan dalam Ekuiti yang berikut ini beserta dengan nota - nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Kolej Universiti Islam Malaysia** pada 31 Disember 2003 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Nama : Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Nama : Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Gelaran : Rektor

Tarikh : 27 Februari 2004

Tarikh : 27 Februari 2004

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia,
Kuala Lumpur

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia,
Kuala Lumpur

Laporan Kewangan
Laporan Tahunan 2003
KUIM


Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan
Kolej Universiti Islam Malaysia

Saya **ROHANI BINTI ABU** (K.P : 500621-07-5234) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2003, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan dalam Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan di atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama diatas }
ROHANI BINTI ABU }
di Kuala Lumpur }
pada 26 Februari 2004 }

Rohani Abu

Di hadapan saksi



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2003

	NOTA	2003 RM	2002 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	2	5,379,888	5,700,629
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	3	91,766,816	46,168,505
ASET SEMASA			
WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK	4	11,019,555	76,434,910
SIMPANAN TETAP	5	112,202,198	7,238,602
DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU	6	1,046,959	945,484
PENGHUTANG PELAJAR	7	326,226	234,019
PELBAGAI PENGHUTANG	8	240,839	104,786
JUMLAH ASET SEMASA		124,835,777	84,957,801
Tolak :			
LIABILITI SEMASA			
PEMUITANG	9	457,106	855,091
JUMLAH LIABILITI SEMASA		457,106	855,019
ASET SEMASA BERSIH		124,378,671	84,102,710
		221,525,375	135,971,844
DIBIAYAI OLEH			
KUMPULAN WANG PENGURUSAN	10	16,634,338	15,418,203
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	11	202,884,369	119,284,400
PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH	12	1,098,248	625,649
SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)	13	908,420	643,592
		221,525,375	135,971,844

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2003

	NOTA	2003 RM	2002 RM
PENDAPATAN			
GERAN PEMBERIAN KERAJAAN	1.4	17,355,600	16,182,000
YURAN PENGAJIAN	1.7	4,088,467	3,322,141
		21,444,067	19,504,141
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
HASIL PERKHIDMATAN		17,438	12,091
JUALAN KAD FOTOSTAT & BORANG		17,199	65,331
HASIL SEWAAN		18,820	23,749
HIBAH	14	2,515,805	583,418
TERIMAAN SUMBANGAN DAN BAYARAN GANTI		5,550	13,148
PELBAGAI PENERIMAAN		11,811	109,486
		63,087	27,257
		2,649,710	834,480
JUMLAH PENDAPATAN		24,093,777	20,338,621
PERBELANJAAN			
EMOLUMEN			
GAJI POKOK		5,752,094	3,846,884
IMBUHAN/ ELAUN TETAP		1,983,781	1369,796
SUMBANGAN BERKANUN		666,235	450,769
ELAUN LEBIH MASA		139,865	134,474
FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN		836,359	548,152
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
PERJALANAN DAN SARA HIDUP		388,708	359,496
PENGANGKUTAN BARANG-BARANG		2,810	37,482
PERHUBUNGAN DAN UTILITI		937,858	684,960
SEWAAN		4,746,015	3,678,094
MINYAK KENDERAAN		90,142	59,838
BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		2,275,844	150,026
PENYELENGGARAAN/ PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI		394,919	493,177
PERKHIDMATAN IKTISAS/ LAIN-LAIN		2,293,037	1,885,600

PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN

PEMBERIAN DALAM NEGERI		204,623	115,906
FAEDAH DAN DIVIDEN		450	1,437
 BELANJA SUSUTNILAI	2	1,732,790	1,443,771
PELUPUSAN	2	100,010	0
 JUMLAH PERBELANJAAN		22,545,540	16,691,832
 LEBIHAN (KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN SEMASA		1,548,237	3,646,789
 LEBIHAN (KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS SEBELUM PELARASAN		15,418,203	1,867,449
PELARASAN PADA TAHUN LEPAS	15	(332,102)	(96,035)
 LEBIHAN(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS SELEPAS PELARASAN		15,086,101	11,771,414
 LEBIHAN (KURANGAN) DARI PENDAPATAN		16,634,338	15,418,203

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2003

	2003 RM	2002 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan /(kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	1,548,237	3,646,789
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	1,732,790	1,443,771
Pelupusan	100,010	0
Pelarasan tahun lepas	(332,102)	(96,035)
Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	3,048,935	4,994,525
Pengurangan/(pertambahan) modal kerja		
Pelbagai Penghutang	(329,735)	(207,277)
Pelbagai Pemuitang	(397,985)	761,914
Tunai bersih dari aktiviti operasi	<u>2,321,215</u>	<u>5,549,162</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tetap	(1,512,058)	(3,082,317)
Perbelanjaan pembinaan dalam kemajuan	(45,598,311)	(46,168,505)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(47,110,369)	(49,250,822)

ALIRAN TUNAI UNTUK AKTIVITI KEWANGAN

Geran projek pembangunan	83,599,969	119,284,400
Pembentangan dari pelbagai tabung	472,599	482,106
Pembentangan dari Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB)	264,827	248,692
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan	84,337,395	120,015,198
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	39,548,241	76,313,538
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	83,673,512	7,359,974
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	123,221,753	83,673,512
TUNAI DAN KESETARAAN TERMASUK:-		
Tunai dan Bank	11,019,555	76,434,910
Simpanan Tetap	112,202,198	7,238,602
	123,221,753	83,673,512

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2003

	Kumpulan Wang Pengurusan RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Pelbagai tabung Dan Akaun Amanah RM	Skim Latihan Akademik Bumiputra RM	Jumlah RM
2002					
Pada 1 Januari	11,867,449	0	143,543	394,900	12,405,892
Tambahan/(kurangan) tahun semasa	3,646,789	119,284,400	482,106	284,692	123,661,987
Pelarasan tahun lalu	(96,035)	0	0	0	(96,035)
Pada 31 Disember	15,418,203	119,284,400	625,649	643,592	135,971,844
2003					
Pada 1 Januari	15,418,203	119,284,400	625,649	643,592	135,971,844
Tambahan/(kurangan) tahun semasa	1,548,237	83,699,369	472,599	264,828	85,985,033
Pelarasan tahun lalu	(332,102)	(99,400)	0	0	(431,502)
Pada 31 Disember	16,634,338	202,884,369	1,098,248	906,420	221,525,375

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2003

Nota 1

DASAR PERAKAUNAN PENTING

1.1 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Kolej Universiti Islam Malaysia dapat dilihat dari 3 fungsi utamanya iaitu:

a) **Pengurusan dan Pembangunan Akademik**

Meliputi aktiviti pengajaran, penerbitan, khidmat masyarakat, pengambilan pelajar, peperiksaan dan pengijazahan

b) **Pentadbiran dan Pengurusan Kakitangan**

Meliputi aktiviti Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan dan Aktiviti Pelajar, Pembangunan Kualiti dan Perhubungan Luar, Hal Ehwal Korporat dan Pusat Kecemerlangan.

c) **Pusat Data dan Teknologi Maklumat**

Meliputi pembelian Koleksi Perpustakaan, kendalian Teknologi Maklumat dan Kemudahan Fizikal

Sehingga 31 Disember 2003, Universiti ini mempunyai bilangan kakitangan seramai 311 orang berbanding dengan 225 orang pada tahun 2002.

1.2 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia.

1.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUTNILAI

a. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai pada tahun semasa.

- b. Setiap unit harta,loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria harta,loji dan peralatan dari segi kos guna melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Harta,loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria harta,loji dan peralatan akan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa.
- c. Susutnilai bagi harta,loji dan peralatan dikira berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna harta,loji dan peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan.
- d. Harta,loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM1,000 dan ke atas diambilkira sebagai harta,loji dan peralatan di dalam Lembaran Imbangan. Harta,loji dan peralatan bernilai di bawah RM 1,000 diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.
- e. Polisi untuk kadar susutnilai tahunan harta,loji dan peralatan telah ditukar dan ditetapkan seperti berikut:

Infrastruktur	5%
Ubahsuai Pejabat	5%
Kenderaan dan Jentera	20%
Komputer dan Rangkaian	20%
Mesin Alat Pejabat	20%
Perabot dan Pasangan	20%
Alat Bantuan Mengajar	10%
Aset Asrama	20%
Alat Pandang Dengar	10%
Alat Perhubungan	10%

- f. Buku -buku Perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Daftar Buku-buku Perpustakaan
- g. Tanah seluas 471.8 ekar di Bandar Baru Nilai dibayar sebanyak RM125.34 juta oleh Jabatan Pendidikan Tinggi sebagai kos pampasan pengambilan tanah tersebut.

1.4 GERAN PEMBERIAN KERAJAAN

Geran Pemberian Kerajaan untuk Belanja Mengurus diambilkira dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Pemberian untuk Skim Latihan Cuti Belajar/Sabatikal dan Biasiswa, Pinjaman Komputer dan Kenderaan diakaunkan terus dalam akaun berkenaan.

Bagi geran pemberian kerajaan untuk projek pembangunan ianya diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan.

1.5 PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan Dalam Kemajuan dapat dinilai pada peringkat bayaran. Susutnilai tidak diperuntukan. Apabila pembinaan siap, kos pembangunan dipindah ke dalam aset tetap.

1.6 PENDAPATAN

Pendapatan dari yuran dan simpanan tetap dan lain-lain pendapatan selain dari akaun amanah khusus dianggap sebagai pendapatan universiti. Pendapatan dari simpanan tetap dikira hingga akhir tahun kewangan.

1.7 YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian perlu dibayar setiap semester pada pertengahan dan akhir tahun kewangan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambilkira sebagai pendapatan.

1.8 CUKAI PENDAPATAN

Universiti masih dalam proses memohon pengecualian cukai pendapatan.

1.9 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

Nota 2
Aset Tetap 2003

KOS	PERKARA	INFRASTRUKTUR	UBAHSUAI PEJABAT	KENDERaan DAN JENTERA	KOMPUTER DAN RANGKAian	MESIN/ ALAT PEJABAT	PERABOT DAN PASANGAN	ALAT BANTUAN MENGAJAR	ASET ASRAMA MENGAJAR	ALAT PANDANG PERHUBUNGAN KONVOKESyen	KELENGKAPAN ALAT SUKAN	ASET TABUNG PENyELIDIKAN	ASET TABUNG PENGETUA	JUMLAH
Pada 1 Januari	176,965	907,634	2,299,360	2,160,485	218,552	1,813,366	108,758	626,141	44,149	42,721	110,000	3,380	0	0
Tambahan	9,725	71,023	423,390	473,596	38,212	10,553	46,580	2,400	82,161	7,990	188,780	174,440	111,185	5,576
Pelarasan Tahun Lepas	0	0	(63,156)	(81,360)	36,196	(201,156)	68,917	153,350	13,864	(25,654)	(110,000)	7,890	0	0
Pelepasan	0	(135,149)	0	(17,230)	0	(1,273)	0	(4,689)	0	0	0	0	0	(158,341)
Pada 31 Disember	186,690	843,508	2,599,594	2,533,501	292,960	1,621,490	224,255	777,202	148,174	25,057	185,780	185,710	111,185	5,576
SUSUTNILAI														9,737,692
Pada 1 Januari	34,699	167,855	810,109	738,123	75,851	658,447	31,500	199,780	12,907	9,764	11,000	845	0	0
Tambahan	9,335	42,175	519,919	507,100	58,592	324,298	22,426	165,440	14,017	2,506	18,878	46,428	11,118	558
Pelarasan Tahun Lepas	0	(1,815)	(30,395)	(24,518)	10,016	(79,333)	7,251	63,951	4,158	(7,696)	(11,000)	1,834	0	0
Pelepasan	0	(47,302)	0	(8,615)	0	(450)	0	(1,964)	0	0	0	0	0	(67,346)
Pada 31 Disember	44,034	160,913	1,299,633	1,212,090	144,459	902,962	61,177	417,207	31,083	4,574	18,878	49,107	11,118	558
NILAI BUKU BERSIH														4,357,794
Pada 1 Januari	142,266	739,779	1,429,251	1,422,362	142,700	1,154,919	77,258	426,360	31,242	32,957	99,000	2,535	0	5,700,629
Tambahan	390	28,848	(96,528)	(33,504)	(26,380)	(313,745)	24,154	(153,040)	68,144	5,484	169,902	128,012	100,067	5,018
Pelarasan Tahun Lepas	0	1,815	(32,761)	(56,832)	26,180	(121,823)	61,666	88,389	9,705	(17,958)	(39,000)	6,056	0	(133,553)
Pelepasan	0	(87,847)	0	(8,615)	0	(823)	0	(2,725)	0	0	0	0	0	(100,010)
Pada 31 Disember	142,656	682,595	1,299,962	1,323,411	148,500	718,528	163,078	359,994	109,091	20,483	169,902	136,603	100,067	5,018
														5,379,888

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Nota 2

Aset Tetap 2002

PERKARA	INFRASTRUKTUR	UBAHSUAI PEJABAT	KENDERAAN DAN JENTERA	KOMPUTER DAN RANGKAIAN PEJABAT	MESIN DAN PASANGAN MENGAJAR	PERABOT DAN PASANGAN MENGAJAR	ALAT BANTUAN ASRAMA	ALAT PANDANG DENGAR	ALAT PERHIBURGAN	KELENGKAPAN KONVOYESYEN	ALAT SUKAN PENYELIDIKAN	ASET TABUNG PENGETAHUAN	ASET TABUNG PENGETAHUAN	JUMLAH
Pada 1 Januari	129,255	453,213	1,495,373	1,426,523	92,493	1,285,866	36,180	370,980	42,460	36,351	0	0	0	5,369,194
Tambahan	47,710	454,421	784,149	550,494	72,578	255,161	5,879	5,870	0	0	0	0	0	3,368,879
Pelarasan Tahun Lepas	0	0	(40,162)	(220,936)	0	(22,994)	0	(190)	0	0	0	0	0	(296,562)
Pada 31 Disember	176,965	907,634	2,239,360	2,160,485	218,582	1,813,366	108,758	626,141	44,149	42,771	110,000	3,380	0	8,451,511
SUSUTNILAI														
Pada 1 Januari	25,851	103,462	403,010	356,396	22,215	295,959	9,894	74,461	8,492	7,370	0	0	0	1,307,110
Tambahan	8,848	45,382	447,872	435,097	43,866	362,673	10,876	125,319	4,415	4,272	11,000	845	0	1,500,466
Pelarasan Tahun Lepas	0	19,011	(40,773)	(53,370)	9,770	(185)	10,730	0	0	(1,878)	0	0	0	(56,695)
Pada 31 Disember	34,699	167,855	810,109	738,123	75,851	658,447	31,500	199,780	12,907	9,764	11,000	845	0	2,750,881
NILAI BUKU BERSIH														
Pada 1 Januari	103,404	349,751	1,092,363	1,070,127	70,278	989,907	26,286	286,519	33,968	29,481	0	0	0	4,062,083
Tambahan	38,862	409,039	336,277	519,801	84,473	187,821	61,702	129,841	1,598	99,000	0	2,535	0	1,868,413
Pelarasan Tahun Lepas	0	(19,011)	611	(167,566)	(12,050)	(22,809)	0	(10,730)	(1,90)	1,878	0	0	0	(229,867)
Pada 31 Disember	142,266	739,779	1,429,251	1,422,382	142,701	1,154,919	77,258	426,360	31,242	32,957	99,000	2,535	0	5,700,629

Nota 3

PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Terdiri daripada	2003 RM	2002 RM
Baki pada 1 Januari	46,168,505	0
Perbelanjaan Semasa	46,697,711	46,168,505
Pelarasan Tahun Lepas	(99,400)	0
 Baki pada 31 Disember	 91,766,816	 46,168,505

Nota 4

WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK

Terdiri daripada	2003 RM	2002 RM
Wang Runcit	2,550	1,950
Baki di Bank Wang Mengurus	6,475,141	72,354,325
Baki di Bank Wang Pembangunan	4,541,864	4,078,635
 11,019,555	 76,434,910	

Nota 5

SIMPANAN TETAP

Bagi melancarkan pulangan faedah yang maksima ke atas wang tunai yang tersimpan, pelaburan telah dibuat di dalam Simpanan Tetap di sebuah institusi kewangan tempatan seperti berikut:

	2003 RM	2002 RM
Jumlah Pelaburan pada 1 Januari	7,238,602	2,092,764
Tambahan/ (Keluaran) Pelaburan Akaun Pembangunan	107,000,000	0
Tambahan/ (Keluaran) Pelaburan Akaun Mengurus	(2,163,555)	5,000,000
Campur: Pulangan faedah/hibah pada tahun semasa	127,151	145,838
 Jumlah pelaburan pada 31 Disember	 112,202,198	 7,238,602

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Nota 6

DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

Terdiri daripada:

	2003	2002
	RM	RM
Deposit Elektrik	3,750	3,000
Deposit Sewa	883,327	866,986
Deposit Air	67,398	67,398
Deposit Ubahsuai	5,000	5,000
Pelbagai Deposit	31,000	1,000
Bayaran Terdahulu	56,484	2,100
	1,046,959	945,484

Nota 7

PENGHUTANG PELAJAR

Terdiri daripada:

	2003	2002
	RM	RM
Pelajar Sesi 2003/2004	213,997	0
Pelajar Sesi 2002/2003	51,165	146,616
Pelajar Sesi 2001/2002	28,394	61,481
Pelajar Sesi 2000/2001	12,020	14,162
Pelajar Sarjana	9,700	5,460
Pelajar PhD	10,950	6,300
	326,226	234,019

Nota 8

PERBAGAI PENGHUTANG DAN ASET SEMASA

Terdiri daripada:

	2003	2002
	RM	RM
Penghutang Pendahuluan Kakitangan	99,931	52,800
Penghutang Pendahuluan Persatuan Pelajar	10,543	3,220
Penghutang Pembekal	50,784	46,771
Faedah Belum Diterima	79,581	1995
	240,839	104,786

Nota 9

PEMIUTANG

Terdiri daripada

	2003 RM	2002 RM
Pembekal Luar	431,416	832,861
Lain-lain Pemuitang	25,690	22,230
	457,106	855,091

Nota 10

KUMPULAN WANG MENGURUS

Terdiri daripada:

	2003 RM	2002 RM
Baki pada 1 Januari	15,418,203	11,867,449
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	1,548,237	3,646,789
Pelarasan Pada Tahun Lepas	(332,102)	(96,035)
	16,634,338	15,418,203

Nota 11

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada:

	2003 RM	2002 RM
Baki pada 1 Januari	119,284,400	0
Pemberian Kerajaan Wang Pembangunan	83,699,369	119,284,400
Jumlah Pemberian Wang Terkumpul	202,983,769	119,284,400
Pelarasan Pada Tahun Lepas	(99,400)	0
Baki pada 31 Disember	202,884,369	119,284,400

Laporan Kewangan
 Laporan Tahunan 2003
KUIM

Nota 12
PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH

Terdiri daripada:

	2003	2002
	RM	RM
Tabung Biasiswa	20,885	7,300
Program Pembangunan Sahsiah Pelajar	0	9,849
Akaun Khas-Jaksa	42,031	22,575
Akaun Khas-Program Mahrajan Kerjaya	(1,094)	0
Tabung Kebajikan Pelajar	23,345	17,185
Tabung Pengetua	46,385	55,088
Tabung Ehsan KUIM	150,000	0
Tabung Pinjaman Kenderaan	150,378	166,079
Tabung Pinjaman Komputer	88,286	(5,069)
Tabung Penerbitan	210,792	265,946
Tabung Penyelidikan Jangka Pendek	357,270	86,696
Akaun Khas-Seminar Kesepaduan dan Pembangunan	10,000	0
Ummah	1,098,248	625,649

Nota 13
SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)

Terdiri daripada:

	2003	2002
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	643,592	394,900
Geran Pemberian Kerajaan	305,900	305,900
 Tolak:		
Perbelanjaan Tahun Semasa	(41,072)	(57,208)
 Baki Pada 31 Disember	908,420	643,592

Nota 14

HIBAH

Terdiri daripada:

	2003 RM	2002 RM
Hibah Akaun Semasa	267,980	331,686
Hibah Simpanan Tetap	2,225,111	223,707
Hibah Pinjaman Komputer	7586	3,503
Hibah Pinjaman Kenderaan	13,448	7,421
Hibah Insuran	1,680	5,106
Baki pada 31 Disember	2,515,805	583,418

Nota 15

PELARASAN PADA TAHUN LEPAS

Pelarasan pada tahun lepas berjumlah RM332,102 adalah pelarasan yang terjadi disebabkan oleh jurnal pelarasan ke atas harta tanah, loji dan peralatan dan susut nilai tahun lepas yang telah ditimbulkan dalam penelitian audit yang lepas.

Nota 16

ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula supaya menurut pembentangan penyata kewangan tahun semasa.